

Jilid 1
Bil. 89



Hari Selasa
17hb November, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 14721]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.17 [Ruangan 14776]

Maksud B.18 [Ruangan 14784]

Maksud B.19 [Ruangan 14841]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988

Jawatankuasa—

Maksud P.17 [Ruangan 14776]

Maksud P.18 [Ruangan 14784]

Maksud P.19 [Ruangan 14841]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIK BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman. DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.. PIS. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFK BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beras).

Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK. P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDBRA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASIIAH BIN GADDAM (Kinabalu).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.I., P.P.T. (Setiu).

Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).

DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).

TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., (Penampang).

TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULS (Simunjun).

DR CHEN MAN HIN (Seremban).

TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).

TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).

DR V. DAVID (Puchong).

TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

TUANGOOIHOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).

TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).

TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

TUAN Hu SEPANG (Rasah).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BINS AID, S.M.I., A.M.N. (Kemaman).

TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).

..

TUAN JUSTTNE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).

DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).

DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).

TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

TUAN LIM GUAM ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).

PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).

TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAJL (Sungai Benut).

TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).

TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).

DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).

TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

- Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
 TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
 „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
 DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
 TUAN P. PATTO (Ipoh).
 TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
 DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
 A.M.N. (Saratok).
 „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
 DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
 „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
 S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
 DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
 Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
 S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
 DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
 P.J.K. (Tasik Chenderoh).
 DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
 TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
 DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
 PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
 S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
 „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
 TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
 TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
 DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
 TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
 DR TAN SENG GIAW (Kepong).
 TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
 TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
 TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
 TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
 DR TING CHEW PEH (Gopeng).
 TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
 „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir
 Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

Selasa, 17hb November, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

TELEFON ATUR DI KLINIK DESA

1. **Tuan Michael Asang** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada rancangan untuk membekalkan alat-alat perhubungan jenis Telefon Atur atau "Radio Call" di Klinik-klinik Desa atau Dispensary di kawasan luar bandar khususnya di Kawasan Sugut Jambongan bagi mengatasi masalah kes-kes kecemasan di mana para pesakit tidak dapat diubati di Dispensary Luar Bandar dan memerlukan rawatan segera oleh Pegawai Perubatan di Rumah Sakit Daerah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya maklumkan bahawa alat-alat perhubungan jenis Telefon Atur atau "Radio Call" telah dibekalkan di Daerah Labut Sugut di Pusat Kesihatan Telupid bagi mengatasi masalah kes-kes kecemasan di mana para pesakit tidak dapat dirawat di Dispensari Luar Bandar dan mereka ini memerlukan rawatan segera oleh Pegawai Perubatan Hospital Daerah. Bagi Kawasan Sugut Jambongan, Jabatan Kesihatan belum

ada rancangan untuk membekalkan alat-alat telefon ini tetapi keperluan ini dikaji dan tindakan sewajarnya diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohammed Yusoff.

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, ada pembetulan sedikit. Sebenarnya Mohammed Yusoff Abdul Latiff bukan Abdul Talib.

Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 2.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

YPEIM/SKIM AMAL JARIAH— KEGIATAN

2. **Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) apakah hasil yang telah dicapai oleh Yayasan Pembangunan Islam Malaysia sejauh mula dilancarkan; dan

(b) bagaimanakah sambutan orang-orang Islam terhadap Skim Amal Jariah yang dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) telah memulakan operasi sepenuhnya mulai tahun 1985 talu dan telah masuk tahun ketiga pada tahun 1987 ini.

YPEIM melaksanakan tiga fungsi utama iaitu:

- (i) Memungut sumbangan amal jariah dan derma dan sedekah daripada pihak-pihak berkenaan di dalam negara ini khususnya daripada umat Islam melalui berbagai Skim Pungutan yang dilaksanakannya.

Setakat ini Skim Pungutan yang dilaksanakan oleh YPEIM ialah:

- (a) Skim Sumbangan Melalui Potongan Gaji di mana melalui Skim ini seramai 130,000 orang kakitangan Islam termasuk 10,000 daripada sektor swasta telah membuat sumbangan bulanan dengan memberi hasil sebanyak \$200,000 sebulan.
- (b) Skim Sumbangan melalui Resit Amal Jariah di Pejabat-pejabat Pos, Bank Islam Malaysia Berhad dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji di mana sumbangan bulanan yang diterima adalah antara \$5,000 hingga \$10,000 sebulan. Resit ini juga diedarkan melalui masjid-masjid pada bulan Ramadhan lalu dengan pungutan sebanyak \$110,000.
- (c) Skim Sumbangan secara sekali gus juga dilaksanakan pada bulan Ramadhan tiap-tiap tahun. Jumlah sumbangan yang diterima sejak tahun 1985 hingga bulan Oktober 1987 ialah sebanyak \$5,819,538.

- (ii) Melaburkan sebahagian daripada sumbangan derma yang diterima dengan tujuan untuk mendapatkan pendapatan pada masa depan bagi mengembangkan kegiatan kebajikan dan amal jariah serentak untuk meningkatkan pemilikan harta umat Islam di negara ini.

Setakat ini pelaburan dibuat melalui akaun pelaburan dengan Bank Islam Malaysia Berhad membeli bangunan rumah kedai untuk disewakan. Bangunan yang telah dibeli adalah 2 unit di Wakaf Siku, Kelantan, 2 unit di Sungai Petani, Kedah, 2 unit di Parit Buntar, Perak, 2 unit di Bangi, Selangor dan satu unit di Kelang, Selangor. YPEIM juga membuat pelaburan melalui pemilikan ekuiti di dalam beberapa syarikat yang bergiat selaras dengan hukum syarak.

- (iii) Melaksanakan kegiatan amal jariah dan kebajikan di dalam bidang-bidang peribadatan, pendidikan dan ilmu, kebajikan awam dan pembangunan ekonomi.

Bantuan yang telah dikeluarkan untuk kegiatan amal jariah dan kebajikan adalah sebanyak \$2,248,600.

- (b) Sambutan yang diterima daripada umat Islam kepada Skim Amal Jariah yang dilaksanakan adalah menggalakkan. Ini dapat dilihat dengan kemajuan pungutan derma umat Islam yang diberikan oleh Umat Islam

khususnya daripada kakitangan yang berpendapatan tetap. Walau bagaimanapun, kita belumlah berpuas hati kalau dibandingkan dengan jumlah penduduk Islam yang seramai lebih daripada 6 juta di negara kita ini. Dengan demikian usaha penerangan dan galakan akan terus dilaksanakan untuk memberi kesedaran kepada umat Islam tentang kebaikan sedekah dan amal jariah kepada umat Islam di dalam kehidupan dunia di samping ganjaran pahala di akhirat kelak.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah mengatakan bahawa kumpulan daripada Skim Amal Jariah ini lebih daripada \$5 juta dan sebahagiannya disumbangkan kepada pelaburan dan yang selebihnya saya ingin tahu, apakah sumbangan yang dibuat kepada masyarakat daripada amal jariah ini, bahagian-bahagian yang dibahagikan kepada masyarakat, umpamanya kepada kegiatan-kegiatan kebajikan kepada masyarakat. Saya minta dapat diperjelaskan apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada kegiatan-kegiatan masyarakat.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, kegiatan amal jariah yang telah pun dilaksanakan oleh YPEIM ini termasuklah membeli kereta jenazah dengan kos \$68,923, mencetak dan mengedarkan buku kecil Surah Yassin dan Doa \$57,000, Peralatan Taman Asuhan Islam \$50,000, Perpustakaan Sekolah Agama Islam \$180,000, Seminar dan Kursus Islam \$38,000, Bantuan Rumah Anak-anak Yatim \$45,000, Mesin Rawatan Buah Pinggang \$196,000, Bantuan kepada Rumah Kebajikan Cacat dan Buta \$44,000 dan Bantuan meningkatkan taraf ekonomi fakir-miskin \$300,000. Inilah

sebahagian daripada kegiatan-kegiatan yang telah pun dijalankan sepanjang tahun 1986 yang lalu.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Setiausaha Parlimen, apakah usaha-usaha selanjutnya yang akan diambil oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam bagi menarik lebih ramai pelabur-pelabur ataupun pencarum-pencarum daripada orang yang beragama Islam, ini termasuk juga ahli-ahli perniagaan dari kalangan swasta, kerana dari jumlah yang diberikan tadi hanya bilangan agak sedikit.

Kedua, saya ingin tahu siapakah pemegang-pemegang amanah kepada Skim Amal Jariah ini dan adakah kedudukan kewangan Skim Amal Jariah ini dibentangkan dan dilaporkan kepada awam.

Tuan Othman bin Abdul: Bagi soalan pertama, sememangnya YPEIM ini akan menjalankan kegiatan-kegiatan penerangan lanjut untuk menarik minat umat Islam di negara ini untuk memberi sumbangan amal jariah kepada YPEIM ini, iaitu dengan penjelasan-penjelasan melalui masjid-masjid yang telah pun kita jalankan selama ini, melalui pejabat-pejabat pos, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan juga Bank Islam. Kita mengedarkan risalah-risalah kepada orang ramai untuk mereka itu mendapat perhatian dan penerangan lanjut mengenai kegiatan dan tanggungjawab umat Islam tentang sumbangan amal jariah ini.

Mengenai soalan kedua, kita mempunyai satu Lembaga Pemegang Amanah yang terdiri daripada 14 orang yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Dr Abdul Halim Haji Ismail iaitu Pengarah Urusan Bank Islam. Saya bolehlah memberikan kesemua ini secara bertulis kalau dikehendaki.

**SYARIKAT AWAM BUKAN
KEWANGAN**

3. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) amaun peruntukan Persekutuan kepada Perusahaan Awam bukan kewangan untuk tahun 1985, 1986 dan 1987 dan amaun kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat awam bukan kewangan sehingga akhir tahun 1986 dan bilangan syarikat awam bukan kewangan yang terlibat;
- (b) bilangan syarikat awam bukan kewangan yang menanggung kerugian yang telah dibubarkan sehingga 1-1-1987 dan sama ada terdapat apa-apa rancangan untuk mengswastakan mana-mana syarikat yang tidak berjaya diuruskan dan tidak ada potensi untuk maju; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi, mengkaji dan mengenalpasti prestasi semua syarikat awam bukan kewangan dan bagaimanakah berkesannya langkah-langkah ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dipecahkan kepada 3 bahagian dan saya cuba menjawabnya satu persatu.

- (a) Kerajaan telah melabur sebanyak \$5,739 juta dalam 525 buah syarikat yang termasuk dalam senarai Perusahaan-perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) yang menjalani kegiatan ekonomi yang merangkumi semua bidang, baik kecil mahupun besar. Oleh kerana 56 daripada PABK-PABK ini mempunyai

saiz dan jumlah harta modal ataupun "capital asset"nya, dengan izin, atau urusniaganya melebihi \$50 juta setahun dan pemilihan ekuiti oleh Kerajaan melebihi 50%, Kerajaan telah memberi pengawasan yang rapi ke atas PABK-PABK ini. Peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada 56 PABK-PABK berkenaan bagi tahun 1985, 1986 dan 1987 adalah seperti berikut:

| | |
|------|-----------------|
| 1985 | \$1,198.9 juta. |
| 1986 | \$1,164.8 juta. |
| 1987 | \$ 784.0 juta. |

Daripada jumlah 56 PABK-PABK ini 21 daripadanya telah mengalami kerugian dalam tahun 1986. Kerugian terkumpul yang dialami oleh PABK-PABK ini sehingga akhir tahun 1986 ialah sebanyak \$884,997.00.

- (b) Sehingga 1-1-1987 tidak ada Perusahaan Awam Bukan Kewangan dari antara 56 ini yang telah dibubarkan ataupun ditutupkan. Kerajaan Persekutuan memang mempunyai rancangan untuk menawarkan Perusahaan-perusahaan Awam Bukan Kewangan ini kepada mana-mana pihak yang ingin mengambilalih PABK-PABK tersebut. Keretapi Tanah Melayu misalnya, telah ditawarkan untuk diswastakan dengan harga nominal \$1.00.
- (c) Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mengawasi dan mengkaji, menganalisa prestasi Perusahaan Awam Bukan Kewangan ini. Sebagai langkah pertama, satu pengkalan data, dengan izin, data base, yang menyimpan data kewangan kesemua 56 PABK tersebut

telah dibangunkan. Data Kewangan bagi tahun 1985/1986 telah pun dikutip dan disimpan untuk tujuan penganalisaan dan pengawasan. Dengan adanya data yang lengkap ini, Kementerian Kewangan telah dapat menjalankan kajian yang rapi ke atas setiap Perusahaan Awam Bukan Kewangan yang menghadapi masalah. Memandangkan bahawa langkah-langkah ini baru diambil dan proses pengkajian memerlukan masa yang panjang, kesan tindakan tersebut belum dapat dilihat. Walau bagaimanapun, melalui langkah-langkah awal ini, Perusahaan-perusahaan Awam Bukan Kewangan ini yang menghadapi masalah telah pun dapat dikenalpasti. Ini adakah satu petanda baik kerana dengan dapatnya dikenalpasti perusahaan-perusahaan yang bermasalah, tumpuan yang khusus boleh diberi kepada pemulihan PABK-PABK tersebut.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pembentangan Belanjawan tahun sudah, untuk tahun ini Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyarankan supaya diswastakan PABK ini. Sejauh mana sesudah 11 bulan prestasi yang diperolehi oleh Kementerian. Jika tidak, mengapa?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Seperti yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk menswastakan ini masih berjalan dan prestasinya kalau hendak dikatakan baik, bolehlah diterima sebagai memuaskan, tetapi masih lagi banyak syarikat-syarikat yang disebutkan tadi iaitu Perusahaan-perusahaan Awam Bukan Kewangan masih tidak diambil oleh syarikat-syarikat orang ramai

ataupun pihak swasta. Jadi, kita terpaksa menunggu adakah pihak swasta akan mengambil ataupun menyahut seruan Kerajaan untuk mengambil PABK-PABK tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir).

PUSAT GIAT MARA

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan setakat ini bagaimanakah sambutan terhadap penubuhan Pusat Giat Mara dan berapa banyakkah Pusat Giat Mara tersebut yang telah dapat didirikan di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini sambutan masyarakat terhadap program Pusat Giat Mara adalah sangat menggalakkan. Hingga kini seramai kira-kira 700 orang pelatih sedang menjalani latihan di 9 buah Pusat Giat yang telah beroperasi. Setakat hari ini sebanyak 9 buah Pusat Giat telah beroperasi dan 3 buah lagi masih di dalam peringkat pelaksanaan. Pusat-pusat tersebut adalah seperti berikut:

Yang Beroperasi: Di Jitra, Kangar, Kota Bharu, Paka, Muazam Shah, Jengka, Linggi, Banting dan Machang Bubuk.

Yang masih dalam Pelaksanaan ialah di Grik, Baling dan Dong.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah hendak ditubuhkan satu di Perak Tengah?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1988 sehingga 1990 Kementerian telah merancang untuk menubuhkan 4 Pusat Giat MARA di negeri Perak, tetapi nampaknya Perak Tengah belum lagi dalam senarai.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah pula perancangan pihak Kementerian bagi pembinaan Pusat Giat Mara menjelang tahun 1990 bagi keseluruhan negara.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya diluluskan, Kementerian telah merancang untuk menubuhkan sebanyak 45 buah Pusat Giat sehingga tahun 1990.

GALAKAN PELABURAN

6. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan dasar-dasar bagi menarik pelabur-pelabur dari dalam negeri dan luar negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mewujudkan suasana pelaburan yang lebih menarik adalah:

- (i) memperkenalkan galakan-galakan pelaburan dan skim cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986;
- (ii) melonggarkan Peruntukan Akta Penyelarasan Perindustrian 1975—tahap pengecualian daripada Lesen Pengilang di bawah Akta tersebut telah dinaikkan daripada \$1 juta atau lebih kepada \$2.5 juta atau lebih

modal pemegang saham dan 50 kepada 75 bilangan pekerja sepenuh masa dan lebih;

- (iii) mengurangkan kadar tarif untuk tenaga elektrik, panggilan telefon antara-bangsa dan teleks sebagai langkah untuk mengurangkan kos pengeluaran;
- (iv) melaksanakan Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport yang akan memberi para pengeksport kredit dengan kadar kaedah utama yang mudah untuk membantu mereka di pasaran antarabangsa.
- (v) Melancarkan Tabung Pelaburan Baru dengan objektif mewujudkan pelaburan-pelaburan tetap di sektor-sektor pembuatan, pertanian dan pelancongan serta menyediakan peruntukan dengan kadar yang berpatutan untuk membiayai pelaburan-pelaburan tetap di sektor-sektor di atas.
- (vi) Mengubahsuaikan syarat-syarat untuk penyertaan ekuiti dan jawatan asing di dalam sektor pengilangan.

Di samping langkah-langkah tersebut. Kerajaan telah membuat beberapa perubahan untuk menambah kecekapan dan memperkemaskan lagi beberapa polisi dan prosedur pentadbiran yang terlibat di dalam penubuhan projek-projek di sektor pengilangan. Beberapa langkah telah diambil untuk memudahkan dan mempercepatkan lagi kelulusan-kelulusan bagi permohonan-permohonan untuk mendapat galakan-pengcualian cukai ke atas bahan-bahan mentah, komponen, loji dan jentera dan kelulusan bagi mendapatkan tapak kilang dan pelan bangunan kilang. Kerajaan Negeri telah juga diminta supaya

melonggarkan syarat-syarat pemilikan tanah-tanah perindustrian.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada kemudahan dan juga incentives, dengan izin yang telah diberikan oleh Kerajaan berapa banyakkah setakat ini modal yang telah ditarik masuk dan sebagai membuktikan bahawa galakan-galakan ini memuaskan, adakah terdapat pelabur-pelabur tempatan yang lari ke luar negeri, kalau ada berapa banyak wang yang ada lari ke luar negeri.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, setelah langkah-langkah ini diperkenalkan, jumlah pelaburan dalam sektor pengilangan telah berkembang.

Dalam bulan Januari hingga Oktober, 1987 terdapat 297 permohonan telah pun diterima berbanding dengan 119 dalam tempoh yang sama bagi tahun 1986. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 179 permohonan atau 90.3%.

Berdasarkan kepada permohonan-permohonan yang diluluskan tidak syak lagi bahawa pelaburan tempatan telah pun merosot iaitu sebanyak \$693.2 juta atau 57% bagi tempoh Januari hingga Oktober, 1987 jika dibandingkan dengan tempoh yang sama bagi tahun 1986. Walau bagaimanapun ini hanya meliputi projek-projek di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek yang mempunyai tabungan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pertanyaan tadi sebanyak mana modal terkumpul, nombor duanya banyak mana pelabur-pelabur yang lari. Saya rasa Yang Berhormat sudah jawab penuh tadi.

Tuan M. G. Pandithan: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, penilaian ataupun pengiraan terhadap pelabur-pelabur yang keluar bukan hanya secara direct iaitu secara pelabur-pelabur itu lari, yang kita lihat dan ekuitinya mereka kurangkan, tetapi keluarnya pelabur-pelabur ini juga diasaskan kepada penjualan saham-saham oleh pelabur-pelabur di sektor kewangan, sektor lain dan syarikat-syarikat besar seperti MAS, MISC dan sebagainya akibat daripada kejatuhan harga saham. Sejauh manakah pihak Kementerian telah meneliti akan terjadinya perkara ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan supaya keadaan seumpama ini tidak berlaku walaupun disebabkan oleh keadaan pasaran saham antarabangsa yang jatuh.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengamalkan konsep pelaburan yang terbuka dan kita tidak boleh menghalang sesiapa membeli atau menjual saham.

SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA—PRESTASI

7. Dato Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatukan adakah penswastuan perkhidmatan Telekom setakat ini membawa hasil yang jauh merosot dari apa yang dijangkakan, umpamanya di dalam segi servisingnya dan perhubungan awam. Jikalau sebelum ini jika ada kerosakan berlaku kerja-kerja pembaikan dibuat secepat mungkin, tetapi di bawah skim pengurangan kos STM, overtime kepada pekerja dihapuskan dan justeru itu pembaikan terpaksa dibuat di masa kerja biasa yang memakan masa berhari-hari. Dan perhubungan kakitangan STM dengan pelanggan adalah kasar lantaran Menteri tiada kuasa lagi di dalam STM. Apakah tindakan Kementerian di dalam hal ini.

Timbalan Menteri Tenaga Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat yang merujuk kepada prestasi Syarikat Telekom Malaysia berkaitan dengan perkhidmatan pengguna.

Adalah tidak mustahil bahawa ada di antara kakitangan STM yang kurang memuaskan dari segi budi bahasa dan tatacara layanan pengguna. Walaupun begitu, ini adalah satu perkara yang bukan perkara yang lumrah.

Dalam soal ini, Syarikat Telekom Malaysia telah pun melancarkan kempen "berbudi bahasa untuk kakitangan" berhubung secara langsung dengan pengguna di kawasan Selatan yang meliputi Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan dan di kawasan Timur yang meliputi Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Sebahagian daripada kempen ini ialah untuk memberi kesempatan untuk masyarakat pengguna menilai kakitangan Syarikat Telekom Malaysia yang berurusan dengan mereka dan memberi maklum balas mengenai prestasi kakitangan Syarikat Telekom untuk STM memilih pekerja contoh dalam satu-satu kawasan. Adalah harapan Kementerian supaya kempen ini akan berterusan dan memberi kesan seperti yang diharapkan oleh masyarakat kita.

Satu kempen di kawasan Utara akan dilancarkan untuk mendekatkan Syarikat Telekom Malaysia melalui perjumpaan-perjumpaan dan dialog antara pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan dan kumpulan-kumpulan dengan Syarikat Telekom Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada masalah pembaikan kerosakan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak Syarikat Telekom Malaysia meletakkan satu standard

ataupun taraf di mana 75% daripada kerosakan diperbaiki dalam masa 24 jam, 55% dibaiki dalam masa 48 jam dan 100% dibaiki dalam masa 7 hari.

Sebahagian besar daripada standard ini, dengan izin, dapat dipenuhi oleh Syarikat Telekom walaupun kerja lebih masa telah dihentikan pada hari-hari kelepasan hujung minggu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerosakan yang besar-besarnya biasanya diberi tindakan serta-merta.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa di dalam surat perjanjian ditandatangani oleh kedua-dua pihak monopoli telah diberi kepada Syarikat Telekom. Soalan saya ialah apakah bertalian di antara Syarikat Telekom dan Ibu Pejabat Telekom dari segi faedah kepada rakyat jelata, memandangkan Syarikat Telekom menjalankan tugas yang sama dengan Pejabat Telekom?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Telekom adalah hasil daripada usaha Kerajaan untuk menswastakan jabatan-jabatan Kerajaan. Maka faedah yang boleh dirasakan adalah melalui program penswastan. Kita mengharapkan bahawa apabila perkhidmatan tersebut berfungsi atas landasan suasana swasta maka ia tertakluk kepada permintaan dan harapan pengguna dan masyarakat keseluruhannya.

Oleh yang demikian sesuatu syarikat sewajarnya adalah lebih sensitif ataupun peka kepada harapan dan cita rasa pengguna. Itu adalah merupakan faedah-faedah yang sewajarnya dirasakan oleh masyarakat pengguna.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas tadi iaitu adakah benar pihak STM mengelakkan daripada

membayar kerja-kerja overtime atau tidak.

Yang keduanya adakah pihak Kementerian atau Syarikat Telekom Malaysia bercadang untuk memberi incentive allowance kepada Technicians supaya ianya juga dapat memandu kereta dan mengurangkan tenaga kerja di dalam sesuatu pekerjaan yang dilakukan kerana sekarang ini kita dapati bila berlaku satu-satu kerosakan dan sebagainya maka tiga, empat orang akan pergi ke tempat yang berkenaan-seorang driver, seorang technician, seorang yang membawa tangga dan mungkin ada seorang lagi. Jadi ini adalah membazirkan tenaga sedangkan ianya boleh dilakukan oleh satu atau dua orang sahaja. .

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa menghentikan bayaran masa tambahan ini adalah satu cara untuk merasionalisasikan perbelanjaan Syarikat Telekom Malaysia supaya mengurangkan kos dan saya memberi jaminan bahawa walaupun bayaran di luar masa itu dihentikan, kerja-kerja yang besar-besar oleh kerana kerosakan masih lagi diberi tindakan serta-merta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bahawa kalau terlihat berlaku kerosakan di mana banyak tenaga kerja yang dibawa ke tempat tersebut, ini merupakan satu daripada warisan yang dibawa oleh Syarikat Telekom daripada Jabatan di mana satu daripada syarat yang diterima ialah tidak siapa yang boleh diberhentikan dalam masa lima tahun.

Jadi proses merasionalisasikan tenaga kerja masih lagi menunggu lima tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zubir bin Embong.

(Soatan No. 8 Y.B. Tuan Zubir bin Embong tidak hadir).

KENDERAAN TERSIMPAN DI BALAI POLIS

9. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kenderaaan bermotor yang disimpan di bawah jagaan polis tidak dijaga dengan betul hingga mengakibatkan kenderaaan-kenderaaan ini kehilangan bahagian-bahagian badan dan dibiarkan berkarat dan akhirnya menjadi besi buruk. Jika ya, adakah Menteriannya akan memperkenalkan satu peraturan yang akan memastikan bahawa semua kenderaaan-kenderaaan yang disimpan di bawah jagaan pihak polis akan kemudiannya dipulangkan kepada tuan-tuan punya kenderaaan dalam keadaan seperti mula ianya diletakkan di bawah simpanan polis.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari bahawa ada kenderaaan-kenderaaan yang tersimpan lama di balai-balai polis disebabkan oleh kenderaaan tersebut menjadi barang kes dalam percikaraan mahkamah dan keputusan sama ada kenderaaan tersebut harus dikembalikan bergantung kepada keputusan mahkamah. Selain daripada itu, terdapat kenderaaan yang terlibat dalam kemalangan tetapi tidak dituntut oleh tuan punya atau waris dalam tempoh tertentu. Memandangkan kenderaaan-kenderaaan tersebut menjadi simpanan polis yang agak lama dan terdedah di tempat-tempat "terbuka" dalam kawasan balai polis maka berlakulah kerosakan serta karat ke atas kenderaaan-kenderaaan tersebut. Perkara ini berlaku kerana pihak polis tiada tempat yang sesuai untuk menyimpan kenderaaan-kenderaaan tersebut dengan sempurna. Di sini sukalah saya merayu kepada orang ramai khususnya mereka yang terlibat dalam kes kemalangan atau waris

supaya datang membuat tuntutan kenderaan masing-masing dengan segera agar kenderaan mereka tidak tersimpan lama di balai-balai polis. Dengan berbuat demikian akan mengurangkan bilangan kenderaan yang ada dalam simpanan polis.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat tentang bahagian-bahagian badan kenderaan selalu.. hilang, sukalah saya nyatakan bahawa semua kenderaan yang disimpan di bawah jagaan polis adalah didaftarkan dalam sesebuah buku, di mana semua bahagian-bahagian termasuk aksesori disenaraikan di dalam buku tersebut. Apabila polis menyerahkan kembali kenderaan tersebut, pihak polis akan memastikan ianya diterima oleh pemilik dalam keadaan sempurna. Sekiranya pihak terlibat tidak berpuashati di atas keadaan kenderaan-kenderaannya semasa dipulangkan sewajarnya mereka membuat aduan atau laporan polis.

Juan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan, belum bercadang untuk memperkenalkan satu peraturan lain kerana Kerajaan berpuashati dengan peraturan yang ada.sekarang ini.

PENSYARAH LUAR— PENGAMBILAN

10. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah bentuk kriteria pengambilan pensyarah-pensyarah luar yang bukan rakyat Malaysia sebagai tenaga pengajar di pusat pengajian di negara ini. Berapa lamakah tempoh perkhidmatan mereka sebagai tenaga pengajar.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumari Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya pengambilan pensyarah-pensyarah dari luar negeri adaiiah tidak digalakkan. Walau bagaimanapun, jika kepakaran di dalam sesuatu

bidang pengajian itu tidak terdapat di kalangan rakyat tempatan yang berkelayakan, maka universiti-universiti adalah dibenarkan merigambil pensyarah-pensyarah dari luar negeri dengan secara kontrak. Teihpoh kontrak bagi pensyarah-pensyarah asing ini ialah selama lima tahun dan boleh disambung selama dua tahun lagi, sekiranya perkhidmatan dan kepakarannya masih diperlukan oleh pihak universiti.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui jumlah pensyarah-pensyarah asing yang masih ada di negara kita dan memandangkan kebanyakan daripada mereka tidak berapa fasih dalam Bahasa Malaysia dan oleh sebab itu tidak dapat menjalankan tugas secara berkesan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah itu.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua. untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat yang pertama tadi, jumlah kakitangan luar negeri yang bukan warganegara Malaysia yang berkhidmat di universiti tempatan adalah seperti berikut:

| | | |
|--------------------------------|-----------|-----------|
| Universiti Malaya | | 93 orang |
| Universiti Sains Malaysia | | 83 orang |
| Universiti Kebangsaan Malaysia | | 40 orang |
| Universiti Malaysia | Pertanian | 8 orang |
| Universiti Malaysia | Teknologi | 7 orang |
| Universiti Malaysia | Utara | 1 orang |
| | Jumlah | 232 orang |

Dan mereka ini memang berusaha dengan diberikan kemudahan, untuk memperbaiki dan mempertingkatkan mutu bahasa dalam Bahasa sebagai bahasa pengantar bidang-bidang pengajian tertentu.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut jumlah pensyarah-pensyarah daripada luar negeri tetapi kita ingin tahu apakah bidang syarahan mereka di negara kita.

Yang kedua, apakah sehingga ke hari ini kita berkurangan pensyarah-pensyarah dalam bidang yang diambil oleh pensyarah luar negeri itu sedangkan kita mempunyai begitu banyak siswa-siswazah yang menganggur.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, pensyarah-pensyarah kontrak biasanya diambil bagi fakulti-fakulti yang baru ditubuhkan di universiti-universiti yang belum lagi mempunyai tenaga pengajar terlatih yang mencukupi.

Mengenai bidang-bidang, kebanyakannya adalah di bidang perubatan dan bidang kejuruleraan dan juga dalam bidang-bidang bahasa asing.

Dan juga untuk menjawab soalan Yang Berhormat yang kedua itu untuk menjadi seorang pensyarah kita bukan hanya bergantung kepada Sarjana atau Degree, dengan izin, seseorang itu, tetapi juga kita menimbangkan pengalamannya sebagai seorang pensyarah dalam kita menimbangkannya.

Yang kedua, antara kalangan graduan-graduan bukan semua yang ingin menjadi pensyarah kerana ini adalah satu kerjaya yang tidak serupa dengan kerja-kerja yang lain kerana ia adalah secara tidak memerlukan seorang yang bersikap akademik.

GAJAH LIAR MEMUSNAHKAN TANAMAN GETAH

11. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Sains, Teknologi dan

Alam Sekitar menjelaskan terdapat gajah-gajah liar telah memusnahkan hasil tanaman getah yang diusahakan oleh pihak RISDA dan juga penduduk tempatan di dalam kawasan Pasir Kelang, yang merugikan bukan sahaja Agensi Kerajaan dan harta benda rakyat tempatan akibat daripada serangan gajah-gajah liar itu. Pihak Jabatan Perhilitan telah pun menjalankan berbagai usaha bagi menghalaukan gajah-gajah tersebut tetapi tidak berjaya; adakah Kerajaan bercadang untuk memindahkan gajah-gajah tersebut ataupun boleh kita menembak mati sahaja gajah-gajah itu bagi menjaga kepentingan rakyat.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar akan masalah yang dihadapi di kawasan Pasir Kelang, Kelantan. Jabatan Perhilitan telah mengambil langkah untuk menghalau gajah-gajah tersebut ke kawasan Hutan Simpanan Sokor Taku tetapi ianya tidak begitu menghasilkan oleh kerana binatang-binatang tersebut balik semula. Penyelesaian yang paling sesuai untuk pihak RISDA ialah dengan membina pagar elektrik di kawasan-kawasan seperti yang telah dilakukan oleh pihak FELDA dengan berkesan.

Sekiranya gajah-gajah itu yang berjumlah 20 ekor dipindahkan ke kawasan lain iaitu di luar Hutan Simpanan Sokor Taku maka kawasan yang sesuai sekali ialah Taman Negara di sebelah Negeri Terengganu. Dalam hubungan ini, dua jenis masalah akan dialami iaitu:

- (a) kebenaran daripada Kerajaan Negeri Kelantan untuk membawa keluar gajah-gajah itu dari Negeri Kelantan ke negeri yang lain; dan
- (b) operasi seumpama itu akan memakan perbelanjaan yang tinggi untuk penangkapan dan

juga kedudukan kawasan di Taman Negara adalah jauh. Pada masa kini tiada peruntukan bagi operasi tersebut. Walaupun demikian, usaha sedang dijalankan untuk mendapatkan peruntukan kewangan yang diperlukan itu.

Sebagai langkah jangka masa pendek untuk mengatasi masalah ini, Jabatan Perhilitan akan terus menghalau gajah-gajah berkenaan supaya tanaman-tanaman tersebut tidak dimusnahkan. Jika perlu, renjer-renjer Jabatan Perhilitan terpaksa menembak mati gajah-gajah liar dan tindakan ini ialah penyelesaian yang terakhir sekati. Dalam pada itu, saya ingin mengingatkan bahawa gajah adakah seekor binatang yang diberi perlindungan di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 dan oleh yang demikian, ianya merupakan satu kesalahan jika binatang itu ditembak mati oleh orang perseorangan. Tambahan lagi, jika seseorang ingin berbuat demikian, ia akan membahayakan diri sendiri memandangkan gajah-gajah itu adalah binatang liar.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan gajah-gajah ini adalah gajah-gajah liar dan juga salah untuk ditembak mati, adakah pihak Kementerian bercadang mengambil gajah-gajah denak daripada Siam ataupun daripada negeri lain untuk bermanja dengan gajah-gajah yang ada ini seterusnya menangkapnya untuk dibawa ke Zoo ataupun ke lain tempat? Dan kalau ini tidak berjaya, adakah pihak Kementerian akan menggunakan pula bomoh-bomoh untuk menangkap gajah-gajah tersebut? Terima kasih.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya pada mulanya ada menjemput tiga orang gembala gajah yang dibawa khas

daripada India untuk membantu melatih gajah-gajah atau memindah gajah-gajah ke tempat lain. Sekarang Jabatan Perhilitan telah mempunyai orang-orang yang mempunyai pengalaman yang cukup untuk menangkap gajah-gajah itu. Jadi, kita tidak perlu lagi menjemput orang dari Siam atau dari India ataupun negeri lain untuk membantu kita.

Soalan kedua dari Ahli Yang Berhormat itu untuk menggunakan bomoh tentulah Kementerian akan menimbangkan. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak sambung soalan yang serius daripada rakan saya tadi iaitu berapakah kos menjinak dibandingkan dengan kos pindah. Kalau sekiranya kos menjinak itu lebih rendah daripada kos pindah, saya ingat lebih baik kita jinakkan dan saya kesal kerana Kementerian mengimport gajah-gajah daripada India, sebab saya tahu gajah-gajah daripada India agak kasar dan liar sedikit tetapi gajah-gajah Siam telah dijinakkan. Daripada segi sejarah merupakan gajah-gajah yang jinak yang digunakan untuk mengangkut kayu jati.

Kemudian yang kedua, apakah pagar kejutan elektrik yang dicadangkan oleh Kementerian itu tidak kejam sebagaimana kita menembak gajah sebab walaupun gajah boleh tahan kejutan elektrik tetapi terdapat kes-kes di mana gajah mati dengan kejutan elektrik tersebut. Tadi Yang Berhormat kata, kejam menembak gajah tetapi kejutan elektrik yang dicadangkan kepada RISDA, saya rasa lebih kejam, sebab kita memberi seksaan kepada binatang yang berkenaan. Yang keduanya, kemungkinan orang pula nanti kena kejutan elektirk tersebut. Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat tentang cadangan tadi.

Tuan Law Hieng Ding: Terima kasih, Yang Berhormat. Perbelanjaan untuk menangkap gajah lebih murah jikalau dibandingkan dengan menjinakkan gajah liar itu. Mengikut kiraan, penangkapan seekor gajah liar perbelanjaannya dianggarkan di antara \$10,000 ke \$15,000.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat yang kedua itu mengenai memasang pagar elektrik tidak akan mengakibatkan nyawa manusia

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa dalam masa Soal Jawab jarang ada dibenarkan penjelasan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebab saya bangun hendak bertanya soalan tambahan banyak kali, gajah pun tidak dapat juga. Kalau boleh, saya minta soalan tambahan selepas ini,

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang dipakai oleh pagar elektrik tidak begitu kuat iaitu elektrik rendah dan tidak akan membahayakan nyawa manusia.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Sebenarnya saya banyak kali sudah bangun, Tuan Yang di-Pertua kurang pandang sebelah sini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pandang

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih. Saya hendak bertanya begini sahaja soalan tambahan. Pokok permasalahan sebenarnya tentang gajah ini kerana badannya besar, kerana makan banyak. Jadi, adakah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar

bercadang hendak mengadakan penyelidikan untuk mengeluarkan benih gajah mini, yang kecil? (*Ketawa*) Kerana pada masa ini kuda pun telah dikeluarkan jenis yang kecil, pokok-pokok hutan rimba yang besar itupun ada dikeluarkan secara kecil. Jadi, gajah ini kalau dikeluarkan secara kecil saya rasa tidak timbul masalah kepupusan, anak cucu kita esok pun boleh melihatnya nanti. (*Ketawa*)

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, gajah besar itu jadi satu warisan untuk generasi yang akan datang. Jikalau Ahli Yang Berhormat minat hendak tengok gajah yang kecil, bolehlah saya menyampaikan cadangan Ahli Yang Berhormat itu kepada Jabatan Hatwan untuk membuat kajian.

STESEN SATELIT BUMI

12. Dr Chen Man Hin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos membenarkan satelite TV rumah diimport ke dalam negara untuk kegunaan pengguna supaya mereka tidak ketinggalan dalam perkembangan sedunia terutamanya dalam zaman perhubungan sekarang.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya perubahan teknologi pada hah ini, kita di Malaysia boleh menerima pemancaran antarabangsa melalui sistem satelit daripada Palpa, Intelset di Lautan Hindi dan Lautan Pasifik.

Apabila seseorang mempunyai stesen satelit bumi, beliau boleh menerima pemancaran tersebut.

Kerajaan telah membuat keputusan tidak membenarkan orang awam memiliki dan menggunakan stesen satelit bumi untuk tujuan menerima pemancaran atas sebab-sebab berikut:

- (i) Perjanjian dan amalan antarabangsa di bidang ini memerlukan penerima

pemancaran membuat perjanjian dengan pihak pemancar. Ini melibatkan pembayaran yang ditentukan. Oleh itu, seseorang tidak boleh menerima pemancaran dengan sewenang-wenangnya.

- (ii) Kerajaan sedar bahawa kita hidup dalam zaman maklumat atau, "information age", dengan izin. Oleh itu, kita perlu mengikuti perkembangan dunia secepat mungkin. Walaupun begitu, Kerajaan perlu mengimbangkan antara maklumat yang berguna untuk masyarakat yang mengetahui ataupun "informed society", dengan izin, maklumat yang perlu dan penting ke arah membina satu bangsa teguh, berpadu dan maklumat yang meracuni pemikiran rakyat dan merosak keharmonian dan keselamatan negara.
- (iii) Kerajaan juga perlu membanteras kemungkinan mereka yang menerima pemancaran daripada merakam dan menyebarkannya pula kepada yang lain.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri hingga sekarang jumlah orang-orang yang didapati memiliki stesen satelit TV ini dan sama ada mereka akan didakwa di mahkamah dan sama ada Kerajaan atau Kementerian akan merampas pemilik stesen satelit TV ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, hingga kini kita telah mengesan 10 dan 9 telah bersetuju untuk meruntuhkan satelit bumi mereka dan satu akan didakwa ke mahkamah kalau enggan meruntuhkannya.

Dr Chen Man Hin: Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar di lain

negara, misalnya di UK, Amerika Syarikat satelit home TV/mini TV ialah satu perkara biasa, siapa hendak ambil lesen boleh beli satu. Adakah sedar kalau negara kita tidak mahu satu masyarakat yang sempit, yang closed, kalau masyarakat kita mahu murid-murid dan pemuda-pemuda dengan Cikiran yang luas, bukankah lebih baik kita expose mereka kepada information dari seluruh dunia daripada information yang controlled?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita menyanjung tinggi harapan bersama untuk memastikan bahawa rakyat kita adalah rakyat yang mempunyai maklumat yang luas tentang dunia. Wataupun begitu, kita tak sewajarnya dengan secara "indiscriminate", dengan izin, melepaskan negara kita ini kepada apa jua pengaruh yang mungkin membawa kesan-kesan yang tidak sihat. Oleh yang demikian, kita perlu mengimbangkan maklumat-maklumat yang perlu untuk membangunkan negara kita.

PENGALIRAN KELUAR MODAL

13. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah amaun anggaran modal yang telah mengalir keluar negara ini sejak dua tahun ini;
- (b) apakah sebab-sebab pengaliran keluar modal ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menyekat pengaliran keluar modal ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini hampir sama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Teoh Teik Huat yang telah dijawab pada 5hb November, 1987. Dengan itu, saya tidak bercadang untuk mengulang jawapan bagi soalan ini.

PEJABAT KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN NEGERI/DAERAH

14. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan bilakah pejabat kebudayaan dan petancongan negeri-negeri dan daerah-daerah akan beroperasi sepenuhnya.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan memang berharap sangat supaya Pejabat Kebudayaan dan Pelancongan di peringkat Negeri dan juga Daerah diwujudkan semula untuk operasi sepenuhnya, malangnya pada ketika ini keadaan ini belum berlaku lagi. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian kini sedang berbincang dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai penubuhan Pejabat Kebudayaan dan Pelancongan di peringkat Negeri.

Sementara itu, semua jawatan-jawatan Pegawai ataupun Penolong Pegawai dan juga Jurulatih Seni Budaya yang dahulunya di dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan kebudayaan telah dipindahkan ke bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Mereka ini buat sementara waktu di tempatkan di Pejabat Jabatan Betia dan Sukan di negeri-negeri berkenaan.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu setakat ini berapakah Pejabat-pejabat Pelancongan atau Kebudayaan yang ada di negara kita hari ini. Adakah pejabat yang ada ini tidak berupaya ataupun tidak mampu untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke mari yang sehingga ianya menghendakki pejabat-pejabat ataupun cawangan-cawangan pejabat terpaksa diadakan setiap negeri dan daerah?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelancongan ada 4 pejabat "regional", dengan izin, dari segi kebudayaan di tiap-tiap negeri, selain daripada Perlis. Soalannya bukan tidak berupaya kita membawa pelancong-pelancong ke negara ini, tetapi soal yang dikemukakan tadi sebenarnya lebih berkaitan dengan Pegawai-pegawai Kebudayaan yang mana mereka ini pada dahulunya diletakkan di bawah Kementerian yang lama dan apabila Kementerian ini sudah menjadi Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, maka pegawai-pegawai yang menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan kebudayaan akan diasingkan daripada Kementerian yang lama.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan bersabit dengan peruntukan Pejabat-pejabat Kebudayaan di peringkat negeri dan daerah, sejauh manakah Kementerian ini bercadang untuk menurunkan intisari di mana bentuk kebudayaan yang boleh di "commerciarkan", dengan izin, dan bentuk kebudayaan yang boleh dijadikan sebagai "pride" kepada negara ini?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kita salah menggunakan perkataan "commercial", dengan izin, berkaitan dengan kebudayaan. Sebenarnya kebudayaan tidak satu perkara yang akan di "commercialise"kan, cuma yang kita akan gunakan kesenian ini sebagai tarikan kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara ini dan kita tidak akan merubah cara kesenian itu hanya untuk menyenangkan beberapa para pelancong, tetapi kita akan terus mengamalkan kesenian itu secara kita lama, tetapi dengan harapan supaya apabila kita menggunakan kesenian ini untuk tarikan pelancong supaya mereka datang melihat, dengan izin, "performance" yang kita buat

berkaitan dengan kesenian kita ini mengikut kadar yang kita buat sekarang tetapi dengan halus lagi, dengan lebih rapi lagi kelakuannya, dengan lebih baik lagi prestasinya, tetapi bukan diubahsuai mengikut kehendak beberapa pelancong. Kita tidak akan ubah dari segi keseniannya itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Gerard Math Lee Min.

Tuan Gerard Math Lee Min: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 15.

KADAR TARIF ELEKTRIK

15. **Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau bercadang mengurangkan tarif elektrik bagi pejabat dan gudang perniagaan sepertimana yang diberikan kepada industri hotel dan jika tidak, mengapa.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon budibicara Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab sama ada untuk Semenanjung atau untuk Sabah?

Tuan Gerard Math Lee Min: Untuk Malaysia.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarif elektrik ditentukan dengan mengambilkira perkara-perkara seperti berikut:

- (i) kadar tarif yang dianggap munasabah dan wajar dan tidak membebankan pengguna;
- (ii) kadar tarif untuk memberi galakan kepada sektor tertentu ke arah pembangunan ekonomi dan negara;

(iii) kadar tarif juga mengambilkira kos untuk membekalkan tenaga elektrik termasuk penjanaan, penghantaran, pembahagian dan lain-lain;

(iv) kadar tarif mengambilkira kos kewangan yang perlu ditampungi oleh Lembaga Letrik Negara oleh kerana pelaburan dan pinjaman yang dibuat hingga kini;

(v) kadar tarif yang membawa hasil terkumpul untuk menampung pelaburan modal pada masa-masa yang akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarif elektrik telah disusun semula pada tahun 1979/1980 dan telah juga diperbaiki pada tahun 1985 dan Kementerian telah mengenalkan sistem diskaun seperti berikut:

Pada tahun 1986—

- (i) Hotel 10%
- (ii) Perindustrian 20%
- (iii) Tekstil 20%
- (iv) Perlombongan 25%, dan
- (v) Lampu awam 20%

Selain daripada skim diskaun yang telah diberikan oleh Lembaga Letrik Negara, Kerajaan Persekutuan juga telah memperkenalkan skim diskaun 20% untuk industri getah, tekstile dan industri yang banyak menggunakan bekalan elektrik. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan kadar yang ada, ditambah pula dengan sistem diskaun, pengguna telah mengecapi satu perkhidmatan yang munasabah dan melalui sistem diskaun, Lembaga Letrik Negara terpaksa mengorbankan pungutan hasil sebanyak \$220 juta setahun.

Dan berdasarkan kepada maklumat dan hujah-hujah di atas, pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengubah tarif-tarif sama ada ianya untuk perdagangan atau untuk

kegunaan pejabat untuk Semenanjung Malaysia. Walaupun begitu, kita bercadang untuk mengkajinya daripada masa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Lembaga Letrik Sabah telah pun diletakkan di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos pada 1hb Januari, 1984 dan pada bulan April, 1987, Kementerian telah menurunkan kadar purata tarif daripada 30 sen seunit kepada 26 sen seunit. Kadar purata untuk domestik ialah 20 sen, perdagangan 28 sen dan perindustrian 33 sen seunit. Kementerian tidak bercadang untuk menurunkan kadar tarif di Sabah pada masa ini kerana kedudukan kewangannya tidak mengizinkan.

Dan kedudukan Lembaga Letrik Sabah pada hari ini dari segi hutangnya yang terkumpul adalah lebih kurang \$823.7 juta. Sementara itu pula prestasi kewangan Lembaga Letrik Sabah hingga kini ialah menanggung kerugian sebanyak \$15 juta untuk tahun 1986 dan \$17 juta bagi tahun kewangan 1987.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, tadi telah disebutkan penyelarasan dari segi tarif untuk seluruh negara termasuk Sabah, namun demikian sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam sesi ini juga bahawa di Sarawak tarifnya masih tinggi dan adakah hasrat Kerajaan untuk menyelaraskan, walaupun Lembaga Letrik Sarawak (SESCO) belum lagi berada di bawah naungan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Soalan yang kedua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat telah menyentuh akan kemasukan Lembaga Letrik Sabah dan Sarawak dalam Kementerian adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Kementerian telah mengkaji sebab-sebab tertentu mengapa Lembaga

Letrik Sarawak enggan setakat ini diletakkan di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Adakah kerana kemungkinan pekerja-pekerja di Lembaga itu nampaknya terdiri daripada satu kaum sahaja dan sebagainya?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tidak dapat saya jawab kerana ianya adalah di luar bidang kuasa Kementerian.

Soalan yang kedua, ekoran daripada apa yang dibangkitkan dalam Dewan ini mengenai perkara yang sama dan mengambil saranan daripada pihak Ahli Yang Berhormat, saya akan berusaha untuk memulihkan usaha mengkaji mengenai soal sejauh mana pihak Lembaga Letrik Sarawak boleh bersama-sama dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Memandangkan bahawa setiap tahun Kerajaan mengumumkan keuntungan besar yang didapati oleh LLN, apakah tidak boleh Kerajaan memberikan diskaun yang lebih besar kepada industri perhotelan dan juga industri pengeluaran barangan dengan tujuan untuk menggalakkan lagi lebih ramai pelancong datang melawat dan tinggal lebih lama di negara kita ini kerana hotel rate, dengan izin, di negara kita ini boleh dikatakan agak tinggi kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran kita. Jadi dengan diskaun yang besar yang diberikan oleh LLN, maka saya rasa bolehlah hotel-hotel mengurangkan hotel rate yang dikenakan pada masa ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat merujuk kepada bidang hotel, ingin saya maklumkan bahawa kadar tarif elektrik untuk hotel di negara kita ini adalah yang paling termurah dibandingkan dengan negara-negara

lain di rantau ini, bahkan sama murahannya dengan Singapura. Dan oleh kerana Ahli Yang Berhormat membangkitkan bahawa LLN mengutip hasil yang banyak setiap tahun dibandingkan dengan kos operasinya, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kutipan tersebut digunakan untuk membiayai kos yang ditanggung sehingga kini untuk pelaburan modalnya dan untuk diperuntukkan supaya dapat membangunkan lagi keupayaan tenaga letrik di negara kita ini pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 8 dan 16 hingga 31 adalah diberi di bawah ini).

BEKALAN AIR

4. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kerjaraya menyatakan bekalan-bekalan air banyak lagi yang belum dapat memenuhi kehendak-kehendak rakyat umum ini adakah suatu perkara keperluan tiap-tiap individual rakyat. Kenapakah projek-projek seperti ini didahulukan hinggakan projek-projek besar seperti lebuhraya-lebuhraya mahu didahulukan, padahal jika dibandingkan projek bekalan airtah yang patut disempurnakan terlebih dahulu. Apakah yang sebenarnya dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Adalah tidak benar Kerajaan mendahulukan projek lebuhraya daripada projek bekalan air. Sukalah saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sememangnya memberi lebih keutamaan kepada projek-projek bekalan air yang merupakan

keperluan harian tiap-tiap individu dan juga untuk pembangunan negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek bekalan air telah dimulakan sejak negara merdeka lagi dan diteruskan sehingga sekarang. Banyak projek bekalan air luar bandar dan dalam bandar telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan. Misalnya, di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$1.4 ribu juta di bawah Skim bekalan air luar bandar yang dikendalikan oleh Antah Biwater. Di samping itu, skim-skim bekatan yang lain juga sedang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan. Semua projek-projek yang sedang dirancang dan sedang dilaksanakan itu adalah semata-mata untuk menepati sasaran negara supaya semua rakyat menikmati bekalan air bersih pada tahun 2015.

Mengenai lebuhraya, sukalah saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa ia hanyalah dimulakan pada tahun-tahun lapan puluhan sahaja. Walau bagaimanapun, pembinaan lebuhraya tidak kurang pentingnya bagi meningkatkan ekonomi dan sosial penduduk-penduduk sekitar lebuhraya dan juga bagi menambahkan mutu perkhidmatan pengangkutan. Jalan-jalan raya yang sedia ada sedang mengalami kesesakan lalulintas yang teruk dan mengakibatkan banyak kemalangan berlaku. Oleh itu, kerja-kerja membaiki dan melebar jalan raya yang sedia ada dilakukan dari masa ke semasa, tetapi ini tidak memadai untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas dan mengurangkan kemalangan. Oleh hal yang demikian, Kerajaan telah membina lebuhraya bagi mengurangkan kesesakan itu, bagi menjimatkan masa dan memberi penyelesaian kepada pemandu-pemandu.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

8. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan hingga 12-10-87 untuk projek-projek pembangunan di luar bandar dan mengapakah tidak ada lagi peruntukan untuk pembangunan luar bandar yang diberikan seperti naik taraf jalan yang disalurkan terus melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan di manakah benarnya pengumuman Yang Berhormat Menteri iaitu 2/3 peruntukan perbelanjaan negara untuk pembangunan luar bandar.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk pembangunan luar bandar bagi program di bawah pengawasan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) sehingga 12-10-87 ialah seperti berikut:

| | |
|--|-----------------|
| (a) Projek-projek Kemudahan Asas | \$2,359,581,551 |
| (b) Projek-projek Sosio-ekonomi | \$ 116,451.2% |
| (c) Projek Industri Kam-pung (1237 buah) | \$ 11,271.409 |

Angka ini adalah perbelanjaan terkumpul sejak awal RME i.e. tahun 1981.

Berhubung dengan peruntukan tahun 1987, tidaklah benar dakwaan Yang Berhormat mengatakan bahawa tidak ada peruntukan pembangunan luar bandar bagi tahun berkenaan disediakan. Sebenarnya peruntukan bagi tahun 1987 ada tetapi jumlahnya agak kecil berbanding dengan peruntukan tahun 1986. Pengurangan jumlah peruntukan ini terpaksa dijalankan setelah Kerajaan menyemak semula peruntukan RML berikutan kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara. Pengurangan ini adalah antara langkah-langkah yang terpaksa diambil oleh Kerajaan bagi

mengelakkan beban kewangan yang dihadapi oleh negara dan ini bukan sahaja melibatkan projek-projek pembangunan luar bandar bahkan sektor-sektor lain juga. Menyentuh program naik taraf jalan kampung, sukacita saya memberi penjelasan bahawa pada awalnya sejumlah \$50 juta telah diluluskan untuk program ini tetapi setelah peruntukan RML disemak semula ia telah dikurangkan menjadi \$8 juta sahaja. Walau bagaimanapun, Kerajaan tetap memberi keutamaan kepada program ini dan telah meluluskan peruntukan berjumlah \$40 juta bagi tahun 1988.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada keseluruhannya Kerajaan tetap memberi keutamaan yang tinggi bagi projek-projek luar bandar sebagaimana dijanjikan. Hasrat ini walau bagaimanapun bergantung kepada kemampuan kewangan negara. Jika keadaan kewangan mengizinkan maka projek-projek yang dirancang boleh dilaksanakan secepat mungkin tetapi sebaliknya jika keadaan kewangan tidak mengizinkan maka projek-projek yang diluluskan terpaksa dilaksanakan berperingkat-peringkat atau terus ditangguhkan sehingga ekonomi negara pulih.

MELATIH PENDAKWAH

16. Puan Hajjah Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha dan rancangan Jabatan Perdana Menteri dalam melatih pendakwah-pendakwah yang serba boleh kerana setiap kali ada undangan dari luar negeri keperluan ini tidak dapat ditampung.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor): Jabatan Perdana Menteri tidak mempunyai rancangan melatih pendakwah-pendakwah. Walau bagaimanapun, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri

ada mengendalikan kursus-kursus pendek iaitu seminggu dan dua minggu tetapi untuk orang-orang dan maksud yang berikut sahaja iaitu:

- (a) kursus latihan bagi pegawai dan kakitangan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri dengan tujuan untuk meningkatkan kemahiran kerja dalam berbagai bidang yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab Jabatan-jabatan tersebut iaitu seperti dalam bidang pentadbiran pejabat, pengurusan, komunikasi dan penyelidikan; dan
- (b) kursus-kursus untuk pegawai dan kakitangan Kerajaan yang lain dalam rangka untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran.

Untuk mengeluarkan pendakwah yang serba boleh dan dedikasi, maka ini memerlukan suatu skim latihan yang lengkap dan dilaksanakan oleh satu institusi latihan yang mempunyai cukup kelengkapan dan tenaga pengajar yang berkelayakan. Setakat ini Universiti Kebangsaan Malaysia ada menjalankan kursus-kursus ijazah dalam bidang dakwah dan kepimpinan.

TV3—SIARAN KE SABAH DAN SARAWAK

17. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada TV3, mempunyai rancangan untuk mengembangkan siarannya ke seluruh negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak, supaya semua rakyat Malaysia dapat menikmati siarannya, jika ada, bilakah dan jika tidak mengapa.

24-11-87

15. **Tuan Maidon bin Pansai** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah agaknya Rancangan TV3 di

Semenanjung dapat dikembangkan ke negeri Sabah. Adalah dirasai bahawa ini adalah perlu memandangkan kedudukan negeri Sabah yang berada dalam Persekutuan Malaysia dan seharusnya ia tidak ditinggalkan daripada rancangan tersebut agar konsep kemalaysiaan itu dapat dinikmati di dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Dalam menjawab soalan ini, saya minta izin untuk menjawab soalan yang sama dari Ahli Yang Berhormat Kota Belud yang diadualkan untuk dijawab pada 24-11-87 bersama-sama dengan soalan ini.

Syarikat Televisyen Malaysia (TV3) adalah sebuah badan penyiaran swasta dan mempunyai perancangannya sendiri. Hasrat untuk meluaskan siaran ke Sabah dan Sarawak pernah disebutkan dalam surat-surat khabar tempatan. Bila ia akan dilakukan terpulanglah kepada perancangan serta keupayaan syarikat berkenaan.

Perlu dinyatakan bahawa sebarang tindakan TV3 untuk memperluaskan liputannya haruslah terlebih dahulu memperolehi kebenaran daripada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

GURU—KENAIKAN PANGKAT

18. **Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramatkah jumlah guru yang dinaikkan pangkat baru-baru ini;
- (b) berapakah jumlah wang yang terlibat di dalam kenaikan tersebut; dan
- (c) adakah dengan pengujudan jawatan Guru Penolong Hal Ehwal Pelajar akan dapat

mengatasi masalah disiplin, penyalahgunaan dadah, keruntuhan moral, akhlak dan sebagainya.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Setakat ini seramai 6,196 Pegawai Pekhidmatan Pelajaran di dalam Kategori C1 dan C2 telah pun diluluskan pemangkuan dengan tujuan dinaikkan pangkat ke pelbagai tingkatan dalam kategori-kategori berkenaan.
- (b) Jumlah wang yang terlibat di dalam kenaikan pangkat ini adalah dianggarkan sejumlah lebih kurang \$6.3 juta setahun.
- (c) Memanglah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan bahawa pengujudan jawatan Guru Penolong Hal Ehwal Murid ini akan dapat memberi sumbangan positif ke arah membendung masalah disiplin, penyalahgunaan dadah, keruntuhan akhlak dan lain-lain di kalangan murid-murid. Guru-guru berkenaan akan merancang program dan strategi yang sesuai untuk mencapai matlamat tersebut. Walau bagaimanapun kerjasama dan sokongan semua pihak adalah penting dan diperlukan untuk mencapai hasrat ini.

TARAF PENDATANG HARAM

19. Tuan James Jimbun Pungga minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memberi taraf bagi pendatang haram dari Indonesia yang telah tinggal dan tetap di Long Singut, Balleh, Kapit di Sarawak selama 10 tahun atau ada yang lebih untuk mempunyai status tetap.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri tidak

dapat memberikan taraf penduduk tetap kepada mana-mana Pendatang Haram termasuk dari Indonesia seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapit. Sungguhpun mereka itu telah berada di negara ini selama beberapa tahun, taraf mereka sebagai pendatang haram tidak berubah oleh kerana kemasukan mereka ke negara ini adalah bertentangan dengan undang-undang Imigresen.

BELIA—KURSUS DAN LATIHAN

20. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Belia dan Sukan menerangkan apakah bentuk dan jenis-jenis kursus dan latihan yang disediakan oleh Kementerian beliau untuk belia-belia negara ini:

- (a) sejauh manakah pencapaian program tersebut; dan
- (b) berapa banyakkah tempat atau peruntukan yang diberikan kepada belia-belia Negeri Sabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Kementenan Belia dan Sukan memang menyediakan beberapa jenis kursus dan latihan untuk golongan belia. Kursus-kursus tersebut dilaksanakan di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Bahagian/Daerah. Kursus-kursus yang dijalankan adalah berbentuk Latihan Kemahiran Vokasional (berinstitusi), Latihan Kemahiran Tidak Formal, Kursus-kursus bercorak kepimpinan dan kursus-kursus perniagaan.

Latihan Kemahiran Vokasional dijalankan secara berinstitusi di Pusat-pusat Latihan Belia Pertak, Dusun Tua dan Terengganu. Manakala kursus-kursus bercorak keusahawanan dilaksanakan di peringkat Negeri dan di Institut Belia Usahawan. Kementerian ini juga menganjurkan latihan-latihan tidak formal untuk

belia-belia yang tidak berpeluang memasuki Pusat-pusat Latihan Belia yang sedia ada. Latihan-latihan yang terdapat di bawah aktiviti ini ialah Latihan Sambil Bekerja dan Latihan Kemahiran Industri Tempatan.

Dari aspek Latihan Kepimpinan pula, di antara kursus-kursus kepimpinan yang dijalankan termasuklah Kursus-kursus Kepimpinan Asas, Kursus Kepimpinan Pertengahan dan Kursus Kepimpinan Lanjutan.

- (a) Mengenai pencapaian program-program tersebut, semua program yang dijalankan adalah berjaya. Mengikut kajian rambang yang dijalankan oleh Kementerian ini terhadap belia-belia yang telah mengikuti latihan-latihan kemahiran, didapati lebih 70% daripada mereka telah beroleh pekerjaan dengan pihak Kerajaan dan swasta manakala 20% daripadanya menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Bakinya 10% pula tidak dapat dikesan/dihubungi.
- (b) Jumlah tempat yang diperuntukkan kepada belia-belia dari Negeri Sabah dalam Latihan Kemahiran Vokasional di Pusat-pusat Latihan Belia, Kementerian Belia dan Sukan untuk tempoh tahun 1981 hingga 1987 adalah seramai 246 orang. Manakala 750 orang belia dari Sabah telah mengikuti kursus-kursus bercorak kepimpinan dan perniagaan yang dianjurkan oleh Kementerian ini.

PERJANJIAN PERDAGANGAN MALAYSIA—CHINA

21. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah sebabnya Perjanjian Perdagangan antara

Malaysia dengan China belum diselesaikan setakat ini dan sebutkan:

- (a) cara mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh kedua-dua pihak; dan
- (b) sejauh manakah kerugian akan dihadapi oleh kedua-dua pihak jika perjanjian tersebut dilewatkan lagi.

Tuan M. G. Pandithan: Perjanjian Perdagangan antara Malaysia dengan RRC belum dapat ditandatangani kerana kedua belah pihak masih belum mencapai persetujuan mengenai cara untuk meningkatkan perdagangan secara langsung antara kedua negara.

Untuk mengatasi masalah tersebut Kerajaan sedang mengkaji secara mendalam pendekatan-pendekatan yang sedang digunakan dalam perdagangan dengan RRC.

Perdagangan dua hala Malaysia—RRC dari tahun 1981 hingga 1986 telah meningkat dari 834 juta ringgit kepada 1,150 juta ringgit. Dari segi eksport Malaysia ke RRC, dalam jangkamasa yang sama jumlah tersebut telah bertambah dari 203 juta ringgit kepada 422 juta ringgit. Sementara import Malaysia dari RRC pula berjumlah 727 juta ringgit dalam tahun 1986 berbanding dengan 631 juta ringgit yang dicatatkan dalam tahun 1981. Angka ini menunjukkan sungguhpun Malaysia dan RRC tidak mempunyai Perjanjian Perdagangan, keadaan ini tidak menjejaskan arus perdagangan import dan eksport antara kedua buah negara. Seterusnya jika dilihat kedudukan eksport Malaysia ke RRC dalam tempoh yang disebutkan, jumlah eksport tersebut telah berkembang dengan lebih pesat dari perkembangan import Malaysia dari negara tersebut maka Kerajaan tidak nampak akan kerugian yang timbul dari kelewatan menandatangani perjanjian perdagangan dengan RRC.

LEMBAGA LETRIK NEGARA— PENSWASTAAN

22. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah faktor-faktor yang mendorong pihak Kerajaan menswastakan Lembaga Letrik Negara (LLN) bukan badan-badan berkanun yang mengalami kerugian besar kerana LLN adalah mendapat keuntungan;
- (b) adakah sistem tender akan diamali dan apakah yang jumlah penswastan itu yang terlibat;
- (c) adakah dan apakah syarat-syarat tertentu yang akan dikenakan dan dipegang kuat oleh Kerajaan;
- (d) apakah ciri-ciri laporan penswastan yang telah disediakan oleh Bank Bumiputra Merchant Bankers Bhd dan adakah ia akan diumumkan kepada orang awam atau pekerja-pekerja; dan
- (e) apakah kedudukan pekerja-pekerja LLN dalam penswastan ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Laporan kajian sama ada LLN patut diswastakan atau sebaliknya baharu sahaja diterima oleh Kerajaan dan sedang dalam kajian. Dengan itu adalah terlalu awal untuk saya menjawab soalan ini.

SUKAN SEA DI JAKARTA— PRESTASI ATHLIT

23. Dato' Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah Kerajaan berpuashati dengan prestasi olahraga-olahraga kita di Sukan SEA

Ke-XI di Jakarta baru-baru ini, dan apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan mutu kesukanan negara dari segi kemudahan-kemudahan sukan dan galakan yang dapat diadakan.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Pada asasnya Kerajaan berpuashati dengan prestasi athlit kebangsaan yang menyertai Sukan SEA Ke-XIV di Jakarta baru-baru ini. Pencapaian 36 pingat emas, 41 perak dan 67 gangsa menunjukkan athlit kita berjaya menambah jumlah pingat emas yang diperolehi di Sukan SEA di Bangkok pada tahun 1985 serta jumlah 144 pingat yang diperolehi menunjukkan jumlah yang terbanyak pernah dimenangi semenjak negara kita menyertai Sukan SEA pada tahun 1959.

Pihak Kerajaan telah banyak memberi kemudahan-kemudahan secara langsung untuk kemajuan athlit seperti mewujudkan Skim Perangang, Skim Hadiah kemenangan serta bantuan latihan dan pendedahan melalui pertandingan-pertandingan antarabangsa. Selain daripada itu juga usaha sedang dijalankan untuk mempertingkatkan mutu kejurulatihan tempatan melalui Skim Persijilan Kebangsaan. Dari segi kemudahan, pihak Kerajaan sedang berusaha untuk mempertingkatkan kemudahan di Gelanggang Budaya di setiap negeri.

Di samping itu juga, Kerajaan telah pun merancang untuk membina sebuah Institut Sukan Negara yang akan memberi kemudahan latihan kepada athlit serta jurulatih di samping menyediakan kemudahan-kemudahan latihan seperti gelanggang-gelanggang permainan.

Berpandukan kepada peruntukan yang terhad, pihak Kerajaan akan memperbaiki beberapa kemudahan sukan yang penting seperti Stadium Merdeka, khusus untuk latihan serta

pertandingan terutamanya untuk Sukan SEA Ke-XIV pada tahun 1989. Pihak Kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi bantuan pembinaan sebuah velodrome di Ipoh, Perak.

BUMIPUTERA SABAH

24. Tuan Madatang bin Morejal minta Perdana Menteri menyenaraikan semua bangsa/kaum yang terdapat di negeri Sabah yang termasuk di dalam golongan Orang Asli. Nyatakan hak-hak istimewa yang telah diberi oleh Kerajaan kepada golongan tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Di Negeri Sabah, tidak ada golongan yang dikenali sebagai Orang Asli. Walau bagaimanapun di Negeri Sabah terdapat orang-orang tempatan yang asal (indigenous) yang sekarang dikenali sebagai Bumiputera. Bumiputera di Sabah adalah dibahagikan kepada suku-suku kaum seperti berikut:

| <i>Nama Kaum Bumiputera Sabah</i> | |
|-----------------------------------|----------------------------------|
| Dusun | Kwijau |
| Kadazan | Bajau |
| Murut | Lotud |
| Ilanun | Tambanuo |
| Rungus | Maragang |
| Dumpas | Idahan |
| Paitan | Rumanau |
| Minokok | Sulu |
| Mangka'ak | Brunei |
| Orang Sungai | Lain-lain Orang Tempatan Asal |
| Tidong | Orang Asli Filipina |
| Melayu | Orang Asli Sarawak |
| Kedayan | Asli-Cina (Cino- native) |
| Bisaya | Orang Pulau Cocos |
| Indonesia | |

Semua suku kaum yang tersebut di atas menikmati keistimewaan sebagai Bumiputera di negara ini.

INDUSTRI KAMPUNG

25. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah kemajuan perlaksanaan Projek Industri Kampung sepanjang tahun 1987, iaitu sehingga bulan September. Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan kepada Syarikat SPPIK untuk tujuan mengembangkan Industri Kampung. Dan berapakah jumlah kakitangan yang bertugas dengan SPPIK dan berapakah jumlah pelaburan SPPIK setakat ini di dalam projek usahasama dan apakah nama-nama Syarikat tersebut dan dimanakah tempat-tempatnya.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Di sepanjang tahun 1987 sehingga 30 September, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah meluluskan bantuan kepada 600 projek perseorangan bernilai \$3.40 juta dan 189 projek berkelompok dengan nilai bantuan berjumlah \$3.66 juta. Kementerian telah juga meluluskan penubuhan 5 buah lagi Pusat Kemudahan Gunasama dengan nilai peruntukan sebanyak \$548,000 berbanding dengan 3 buah sahaja yang sedang beroperasi sekarang. Tidak ada projek Koperasi Industri Kampung yang diluluskan dalam tahun ini berbanding dengan 30 buah yang sedang beroperasi sekarang.

Untuk mempercepatkan perkembangan projek industri di kampung-kampung, Kementerian telah menyalurkan kepada SPPIK sebanyak \$5.16 juta sebagai geran pelancaran dan peruntukan sebanyak \$12.18 juta melalui pinjaman Kerajaan. Jumlah kakitangan yang bertugas di SPPIK ialah 144 orang. Dari jumlah kos projek sebanyak \$6.3 juta, pelaburan SPPIK sehingga September adalah \$2.01 juta termasuk

sejumlah \$1.5 juta di dalam projek usahasama seperti berikut:

- (i) Syarikat Industri (kayu).
Kg Geliga Besar Sdn Bhd,
Kemaman, Terengganu.
- (ii) Syarikat Industri (buluh).
Kg Cegar Bedil Sdn Bhd, Jeli,
Kelantan.
- (iii) Syarikat Industri (plastik).
Kg Paroi Sdn Bhd, Negeri
Sembilan.
- (iv) Syarikat Industri (kayu).
Kg Nilai Sdn Bhd, Negeri
Sembilan.
- (v) Syarikat Industri (Kejuru-
teraan).
Kg Kayu Ara Sdn Bhd,
Mukim Sg Buluh,
Petaling.
- (vi) Syarikat Industri (plastik).
Kg Bukit Gambir Sdn Bhd,
Muar, Johor.

KEJADIAN ROGOL

26. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kejadian rogol gadis-gadis sunti telah menjadi-jadi pada masa ini, jika ya, apakah langkah-langkah tegas yang akan diambil untuk membanteras kejadian ini agar ibubapa tidak lagi bimbang melepaskan anak gadis mereka ke sekolah dan sebagainya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah saya jawab bersama-sama soalan Yang Berhormat dari Sungai Petani 12-10-1987 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

KAWALAN KOSMETIK

27. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kesihatan menyatakan setakat ini, apakah bentuk penguatkuasaan yang

dilakukan oleh pihak berkuasa untuk mengesyorkan bahan-bahan persolekan yang dijual di Malaysia mempunyai label yang menunjukkan kandungan kimia dengan sepenuhnya. Sekiranya tidak terdapat sebarang bentuk penguatkuasaan, bilakah undang-undang tersebut akan dikuatkuasakan. Buat sementara waktunya, apakah bentuk perundangan yang wujud untuk mengesyorkan bahan-bahan persolekan yang dijual tidak mempunyai ubat-ubatan yang merbahaya.

Dato' K. Pathmanaban: Undang-undang yang sedia ada tidak menghendaki bahan-bahan persolekan atau kosmetik mengisytiharkan kandungannya atas label-label. Walau bagaimanapun, sesuatu kosmetik jika membuat tuntutan untuk merawat sesuatu penyakit atau keadaan badan manusia, dikehendaki menyebutkan atas label-labelnya kandungan bahan-bahan aktif atau racun-racun berjadual di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan/atau Ordinan Racun 1952.

Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi untuk tujuan kawalan kosmetik. Kawalan ini boleh dilaksanakan melalui pendaftaran dadah dan kosmetik di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan-peraturan ini, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan suatu Pihak Berkuasa Kawalan Dadah untuk tujuan mendaftarkan ubat-ubatan dan kosmetik, termasuk ubat-ubatan tradisional, supaya menentukan kualiti dan keselamatan kepada pengguna-pengguna.

Oleh kerana pendaftaran semua ubat-ubatan dan kosmetik melibatkan beban kerja yang

banyak, pendaftaran itu perlu dijalankan dalam empat fasa:

- (1) Fasa pertama—pendaftaran ubat-ubatan yang mengandungi racun-racun berjadual.
- (2) Fasa Kedua—pendaftaran ubat-ubatan yang tidak mengandungi racun-racun berjadual.
- (3) Fasa Ketiga—pendaftaran ubat-ubatan tradisional yang telah diproseskan kepada pil-pil, serbuk dan sebagainya.
- (4) Fasa Keempat—pendaftaran kosmetik.

Kini Kementerian Kesihatan hanya dapat menyelesaikan fasa pelaksanaan pertama dalam tempoh masa 1984-87. Pendaftaran kosmetik dijangka akan dimulakan dalam fasa keempat dalam masa lebih kurang 5 tahun dari sekarang.

Sungguhpun pendaftaran kosmetik tidak dapat dilaksanakan sekarang, Kementerian Kesihatan terus mengambil tindakan kawalan seperti mengambil contoh-contoh dari kedai-kedai, pintu-pintu masuk ke negara kita dan pihak-pihak pengadu. Contoh-contoh ini dianalisa untuk memastikan keselamatan penggunaanya.

Dalam tempoh masa 1981-87, sebanyak 89 jenis Kosmetik telah dianalisiskan, dengan mengambil lebih kurang 40,000 contoh, 12 jenis kosmetik telah didapati mengandungi bukan bahan racun dan logam-logam dengan paras yang tinggi. Orang ramai telah dinasihatkan tentang bahaya kosmetik-kosmetik ini dan semua stok bahan-bahan ini telah diminta diserahkan kepada Kementerian untuk dimusnahkan.

HOSPITAL SWASTA—IKLAN PERKHIDMATAN

28. **Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) adakah pihak Menteriannya membenarkan atau tidak

hospital-hospital swasta mengiklankan perkhidmatannya; jika ya, apakah garis panduannya; dan

- (ii) adakah klinik-klinik swasta juga dibenarkan mengiklankan perkhidmatannya.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Disemak 1983), tiada seorang pun boleh mengambil bahagian dalam penyiaran apa-apa iklan berhubung dengan rawatan perubatan. Walau bagaimanapun, badan-badan profesional yang berhubung dengan profesyen perubatan boleh menyiarkan iklan-iklan ini dengan kebenaran khas daripada Menteri Kesihatan.

Saya suka juga menerangkan bahawa Majlis Perubatan Malaysia sedang menyediakan satu garis panduan am untuk membolehkan hospital-hospital swasta memberitahu orang ramai tentang kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi. Selain dari itu tindakan sedang juga diambil untuk mengkaji dan jika perlu meminda peruntukan-peruntukan di bawah Akta yang saya sebutkan tadi supaya orang ramai boleh diberitahu tentang kemudahan-kemudahan ataupun perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh satu-satu hospital swasta. Sehingga kerja-kerja ini selesai, peruntukan Akta yang saya sebutkan tadi masih berkuatkuasa.

BILANGAN PENJARA

29. **Tuan P. Patto** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan penjara yang terdapat dalam negara dan tempat letaknya;
- (b) bilangan banduan yang boleh dimuatkan dalam kesemua

penjara itu dengan memberi angka bagi setiap penjara;

- (c) bilangan banduan yang kini berada dalam kesemua penjara itu;
- (d) bilangan penjara yang dicadangkan akan dibina dalam tempoh 10 tahun akan datang dan tempat letaknya penjara-penjara itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 21 buah penjara di negara ini. Jumlah muatan dan bilangan banduan yang berada di dalam penjara-penjara adalah seperti berikut:

| <i>Penjara</i> | <i>Muatan Kapasiti</i> | <i>Bilangan Bantuan</i> |
|------------------------|------------------------|-------------------------|
| Kuala Lumpur . . | 1.452 | 3.593 |
| Taiping . . | 2.053 | 2.835 |
| Pulau Pinang . . | 1.764 | 2.345 |
| Johor Bahru . . | 1.158 | 2.498 |
| Alor Selar | 1.328 | 1.495 |
| Pengkalan Chepa | 1.129 | 861 |
| Seremban | 1.062 | 951 |
| Kajang . . | 5.071 | 1,765 |
| Sungai Petani . . | 1.1KK1 | 129 |
| Marang . . | 300 | 380 |
| Kuching . - | 200 | 189 |
| Sibu | 2(H) | 120 |
| Miri | 200 | 131 |
| Sri Aman | 2(K1) | 25 |
| Limbang . . | 50 | 5 |
| Kota Kinahalu . . | 450 | 995 |
| Tawau | 250 | 568 |
| Sandakan | 250 | 237 |
| Keningau | 40 | 8 |
| Kota Kinabalu (Wanita) | 60 | 73 |
| Kuantan | 204 | 572 |
| | 18.421 | 19.707 |

Pada masa ini terdapat 3 buah penjara baru yang sedang dalam pembinaan iaitu di Simpang Renggam, Penor dan Jelebu. Di samping itu Kerajaan juga mempunyai rancangan membina penjara-penjara baru di tempat-tempat berikut:

- (i) Pokok Sena, Kedah;
- (ii) Tapah, Perak;
- (iii) Kuala Lipis, Pahang;
- (iv) Kluang, Johor;
- (v) Kulim, Kedah.

SURUHANJAYA PENYIASATAN MENGENAI RASUAH

30. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bertambahnya insiden keadaan bercanggah kepentingan sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan untuk menyiasat ke dalam seluruh soal rasuah dan kewibawaan awam dalam penghidupan awam.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan tidak nampak apa perlunya menubuhkan Suruhanjaya Penyiasatan seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kita sudah pun ada undang-undang untuk mencegah rasuah dan kita juga ada Badan Pencegah Rasuah untuk menguatkuasakan undang-undang itu. dan Kerajaan berpuas hati dengan usaha menguatkuasaan undang-undang itu. Ini tidaklah pula bererti bahawa perbuatan rasuah sudah dihapuskan sama sekali. Selagi ada manusia yang tamak, selama itulah akan ada rasuah. Malangnya tidak semua kes dapat dikesan atau diambil tindakan selagi bukti baginya sukar diperolehi.

**PENGANUT AGAMA SEYENTH
DAY ADVENTIST**

31. Tuan Maidon bin Pansai minta Perdana Menteri menyatakan bahawa oleh sebab rayuan para kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan yang beragama "Seventh Day Adventist" supaya dikecualikan daripada bekerja pada hari Sabtu dengan mematuhi suatu alternatif masa bekerja demi untuk membolehkan mereka mengikut upacara sembahyang pada hari tersebut telah ditolak atas suatu sebab yang tidak dapat diatasi, maka adakah pula Kerajaan boleh menimbangkan rayuan itu dengan cara menerusi potongan gaji setengah hari pada hari tersebut seperti cara yang diamalkan oleh Kerajaan Singapura.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Dalam sidang Dewan ini yang lalu, Kerajaan telah pun menjelaskan bahawa Kerajaan tidak bersetuju dengan cadangan membenarkan penganut agama "Seventh Day Adventist" meninggalkan pejabat untuk mengikuti upacara sembahyang pada hari Sabtu kerana ini akan menimbulkan implikasi yang meluas ke atas kekesanan perjalanan jentera pentadbiran Kerajaan. Implikasi yang sama masih akan wujud sekiranya Kerajaan bersetuju membenarkan mereka yang terlibat mengambil cuti separuh gaji pada hari berkenaan oleh kerana pada hakikatnya mereka akan meninggalkan pejabat yang mana akan membawa kesan langsung terhadap perjalanan jentera pentadbiran Kerajaan. Tambahan lagi mengikut peraturan sekarang di bawah Perintah Am Bab "C", cuti separuh gaji bagi tujuan menghadiri upacara keagamaan tidak ada diperuntukkan dan Kerajaan tidak bercadang untuk meminda peraturan ini. Oleh itu Kerajaan tidak dapat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat itu.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1988**

**DAN
USUL**

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1988" dan "Anggaran Pembangunan, 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

(Hari Kelima)

*Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa.*

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
perkerusikan Jawatankuasa)*

Maksud B. 17 (Jadnal)—

*Maksud P.17 (Anggaran Pem-
angunan 1988)—*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, sila teruskan.

3.36 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bercadang untuk menyambung ucapan Yang Berhormat Menteri dengan menyentuh beberapa isu yang ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat pada petang semalam.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Gopeng tentang sukan sebagai alat perpaduan, Kementerian ini amat bersetuju atas pendapat beliau itu. Kementerian sudah dan

sedang melaksanakan program-program sukan bagi mencapai matlamat perpaduan kerana sukan adalah satu agen terpenting bagi menyatu-padukan seseorang individu di dalam kumpulan serta boleh meningkatkan semangat nasionalisme dan semangat perpaduan negara. Sebagai contohnya, pertandingan di peringkat antarabangsa umpamanya ahli-ahli sukan kita yang terdiri daripada berbilang kaum bertanding di bawah satu bendera Malaysia. Ini akan menanamkan semangat kebangsaan, perpaduan dan kekuatan negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap menyentuh mengenai perkembangan profesionalisme dalam sukan. Kerajaan menggalakkan perkembangan profesionalisme dalam sukan sama ada dari segi kepegawaian, kejurulatihan dan ahli-ahli sukan itu sendiri dengan memberikan latihan sama ada di dalam atau di luar negeri dan pendedahan secara yang lebih saintifik sesuai dengan perkembangan sukan pada masa ini.

Mengenai kemudahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan, Kementerian Belia dan Sukan dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam menyediakan kemudahan cuti bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai potensi di bidang sukan sama ada sebagai ahli sukan, pegawai atau jurulatih untuk menyertai pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini termaktub di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 tahun 1980.

Kementerian ini juga mengadakan beberapa insentif lain seperti penganugerahan berupa wang tunai atau surat pujian, elaun hidup, perlindungan insuran, elaun latihan, yuran pengajian dan biasiswa sukan untuk ahli-ahli sukan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Aru menyentuh mengenai persiapan negara untuk menghadapi sukan SEA 1989 di Kuala Lumpur.

Untuk makluman, Kerajaan melalui Majlis Sukan Negara telah mengambil beberapa langkah untuk menyediakan athlit dan pasukan yang benar-benar bersedia bagi menghadapi sukan SEA yang akan datang.

Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Yang Berhormat Menteri telah pun mengadakan perjumpaan dengan semua Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan pada 8-10-87 yang lalu untuk menerangkan strategi yang akan dijalankan ke arah persiapan menghadapi Sukan SEA 1989. Persatuan-persatuan Sukan berkenaan telah diminta menyediakan rancangan-rancangan latihan untuk selama dua tahun dari sekarang. Di samping itu persatuan-persatuan sukan tersebut juga dikehendaki melantik pegawai pasukan seperti Pengurus Pasukan dan jurulatih-jurulatih untuk tempoh selama dua tahun. Pihak kita juga telah menamakan sekumpulan kecil athlit gemilang '90 yang akan diberi kemudahan yang lebih baik daripada athlit-athlit lain. Kumpulan ini mungkin ditambah dari masa ke semasa mengikut pencapaian masing-masing.
- (2) Mewujudkan jawatan kumpulan di Majlis Sukan Negara untuk menampung pengambilan athlit-athlit, jurulatih-jurulatih dan pegawai-pegawai sukan tertentu untuk menjalani latihan sepenuh masa. Dengan cara ini akan dapat diatasi masalah-masalah perkhidmatan yang selalu ditimbulkan.

- (3) Jawatankuasa Pemandu akan ditubuhkan untuk menentukan peian induk setiap pasukan itu dapat dilaksanakan dengan memuaskan.
- (4) Lain-lain bantuan/sokongan yang perlu akan ditimbang dari masa ke semasa untuk menentukan kejayaan menghadapi Sukan SEA 1989 kelak.

Berhubung dengan pembelian "scoreboard" di Stadium Tun Razak yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat yang sama, sebenarnya "scoreboard" itu adalah hasil dari sumbangan dua buah syarikat swasta kepada Kerajaan. Oleh kerana "scoreboard" tersebut perlu dipasang selari dengan penyiapan Stadium berkenaan maka pembeliannya agak tergesa-gesa dibuat. Walau bagaimanapun harganya adaiah yang termurah pada ketika itu dibandingkan dengan lain-lain jenis. Pihak Majlis Sukan Negara menghadapi masalah mendapatkan khidmat selepas jualan oleh kerana syarikat pembekal "scoreboard" tersebut menghadapi masalah selepas selesai pemasangan. Oleh itu kerosakan yang berlaku selepas itu tidak dapat dibaiki. Berdasarkan pengalaman ini pihak kita akan lebih berhati-hati lagi di masa hadapan agar perkara yang serupa tidak akan berulang lagi.

Mengenai keupayaan Majlis Olimpik Malaysia menghantar atlit-atlit ke Sukan SEA Jakarta yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tanjung Aru juga, terdapat dua kategori atlit dalam kontijen Malaysia yang mengambil bahagian dan bertanding di Sukan SEA Jakarta.

Kategori pertama terdiri daripada atlit atau pasukan yang telah melayakkan diri mereka mengikut darjah kelayakan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan. Darjah

kelayakan yang tersebut ialah pencapaian di tempat kedua sukan SEA yang lepas.

Kategori yang kedua terdiri dari atlit atau pasukan yang tidak mencapai darjah kelayakan yang ditetapkan tetapi berkemungkinan memenangi pingat perak atau gangsa. Mereka ini dibenarkan turut serta dengan syarat perbelanjaan adalah ditanggung sendiri yang mana biasanya akan ditanggung oleh persatuan sukan masing-masing.

Atlit atau pasukan lain yang tidak mencapai darjah kelayakan dan tidak mempunyai potensi untuk memenangi sebarang pingat tidak dibenarkan langsung untuk turut serta walaupun sanggup membiayai perbelanjaan. Ini adalah bertujuan untuk mengadakan satu kontijen yang bermutu dan juga untuk mengelakkan cemuan dari orang ramai yang selalu mengikuti perkembangan sukan di negara kita.

Yang Berhormat dari Gopeng juga, Tuan Pengerusi, mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia-belia. Beliau juga mencadangkan supaya Kementerian mendapatkan kerjasama dari pusat-pusat pengajian tinggi dan pihak swasta berhubung dengan perkara yang tersebut itu.

Pada pendapat saya tidak perlu diwujudkan sebuah Jawatankuasa Khas bagi mengatasi masalah belia oleh kerana sebuah badan yang dinamakan Majlis Perundingan Belia Negara telah pun ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 1971 lagi. Majlis ini merupakan forum untuk dialog secara terbuka dan sihat di antara wakil-wakil belia dengan Kerajaan bagi membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia.

Majlis ini dianggotai oleh 60 orang ahli yang terdiri dari semua waki! pertubuhan-pertubuhan belia

peringkat kebangsaan iaitu 36 buah, ahli-ahli EXCO Majlis Belia Malaysia—13 orang dan 10 orang wakil yang dilantik oleh Kerajaan yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian, badan-badan siasah dan ahli-ahli akademik. Segala masalah mengenai hal ehwal belia dan sebarang isu yang melibatkan negara akan dikemukakan dan dibincangkan di dalam Majlis ini.

Majlis ini juga bertindak sebagai sebuah badan penasihat kepada Kerajaan dalam segala perkara yang berhubung dengan permasalahan belia di negara kita ini.

Di samping itu, di peringkat negeri juga ditubuhkan Majlis Perundingan Belia Negeri yang mempunyai fungsi yang sama dan bentuk keanggotaannya sama dengan peringkat kebangsaan. Selain dari itu, Kementerian ini juga mendapat kerjasama penuh dan erat antara pusat-pusat pengajian tinggi. Sebagai contoh, Universiti Pertanian Malaysia telah menubuhkan Unit Belia yang berhubung rapat dengan Bahagian Belia Kementerian ini bagi melaksanakan program-program anugerah Kurnia Belia Jaya, latihan dan anti-dadah.

Yang Berhormat dari Gopeng juga menyentuh tentang kemasukan ke Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Pertak. Pusat-pusat ini adalah terbuka kepada warganegara Malaysia tanpa mengira kaum, yang berkelayakan, berumur di antara 17 hingga 25 tahun yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

Pengambilan belia-belia ke Pusat Latihan Belia dibuat dua kali setahun iaitu pada bulan Mac dan September. Tawaran dibuat melalui akhbar-akhbar tempatan iaitu *Berita Harian*, *Utusan Malaysia* dan *Radio Malaysia*. Pemohon-pemohon bukan Melayu yang berminat diminta mengambil perhatian dan digalakkan memohon.

Yang Berhormat dari Gopeng juga menyentuh beberapa isu seperti program untuk belia tidak berpersatuan. Rancangan Pertukaran Belia di dalam negeri dan metahirikan belia yang tahan lasak serta juga perhubungan antara belia-belia keturunan Melayu dan bukan Melayu. Kementerian Belia dan Sukan memang menyedari ramai belia yang belum menjadi ahli kepada mana-mana persatuan. Oleh yang demikian Kementerian telah melancarkan kempen penambahan ahli persatuan bersempena dengan perayaan Tahun Belia Antarabangsa dalam tahun 1985 lagi. Dalam kempen tersebut semua pertubuhan belia kebangsaan sama ada bergabung atau tidak dengan Majlis Belia Malaysia telah dilibatkan untuk mengambil langkah bagi menambahkan keahlian.

Di samping itu juga Kementerian sendiri telah membuat tinjauan untuk mengetahui minat belia yang tidak berpersatuan dan hasil dari tinjauan itu dua buah Pusat Penerangan Belia telah ditubuhkan di Kompleks Membeli Belah di Daya Bumi dan Sungai Wang Plaza di Wilayah Persekutuan. Tujuan penubuhan pusat itu adalah untuk sebaran maklumat mengenai kegiatan belia dan cara menyertainya. Pusat tersebut juga adalah tempat di mana para belia mendapat khidmat rundingcara.

Selain daripada siberan maklumat melalui Pusat Penerangan Belia, Kementerian juga menganjurkan aktiviti seperti yang dinyatakan dalam tinjauan ke atas belia belum berpersatuan. Di antara aktiviti tersebut ialah pengembaraan dengan motosikal, kursus kepimpinan, kursus melukis, kursus bermain alat muzik, kursus seni silat dan pengenalan kaunseling.

Mengenai pertukaran belia dalam negeri ini adalah bertujuan untuk mengintegrasikan belia berbilang

kaum. Justeru itu peserta rancangan tersebut adalah terdiri dari semua kaum yang mewakili pertubuhan masing-masing tidak kira sama ada mereka datang dari kawasan pendalaman, estet, bandar atau luar bandar. Peluang penyertaan kepada rancangan ini adalah sama. Yang penting mereka adalah seorang ahli atau pemimpin belia yang aktif, dedikasi dan bertanggungjawab dan berpotensi meningkatkan perkhidmatan dalam pertubuhan yang diwakilinya.

Tuan Pengerusi, Kementerian ini telah memasukkan juga unsur-unsur latihan tahan lasak ke dalam latihan yang dijalankan di Pusat Latihan Belia Dusun Tua, Pertak dan Kuala Terengganu melalui latihan berkawat dan latihan kepimpinan. Latihan ketahanan ini adalah dimestikan bagi semua peserta yang mengikuti kursus di pusat-pusat tersebut. Program kegiatan luar anjuran Kementerian seperti ekspedisi, pengembaraan, kem mucim cuti adalah juga bertujuan untuk meningkatkan ketahanan diri setain dari memupuk semangat kekitaan dan perpaduan.

Bersabit dengan cadangan mengenai usaha untuk mempereratkan belia keturunan Melayu dengan yang bukan Melayu, perkara ini telah, sedang dan akan diberi perhatian oleh Kementerian ini. Umpamanya, Kementerian telah mewujudkan Majlis Perundingan Belia Negara di mana penyertaan dari pertubuhan yang mengandungi belia berbagai kaum yang bergabung dengan Majlis Belia Malaysia berpeluang untuk berinteraksi.

Yang Berhormat dari Simunan mencadangkan bahawa Kementerian mengadakan program jangka pendek, sederhana dan jangka panjang untuk belia dan juga program belia yang dilaksanakan oleh Kementerian diselaraskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala usaha Kementerian di bawah program belia adaiah ke arah membina belia untuk kesejahteraan negara berasaskan kepada Dasar Belia Negara, pelaksanaan dasar ini melibatkan badan-badan belia, agensi-agensi Kerajaan dan agensi swasta. Oleh itu, pelaksanaan program belia memanglah bersepadu.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan di mana yang sesuai akan diberi pertimbangan dan perhatian yang sewajarnya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah 30,114,100 untuk Maksud B.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak 30,114,100 untuk Maksud B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$14,506,000 yang disebutkan dalam Maksud P.17 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak 14,506,000 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.18 (Jadual)—

Maksud P.18 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi: Kepala B.18 dan P.18 di bawah Kementerian

Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas.

3.53 *ptg.*

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Pengerusi, saya bangun dan ingin menyentuh maksud Bekalan 18, muka surat 73, Butiran 010000, Program 010100—Pentadbiran Am, Getah, lain-lain Bahan dan Penyelidikan dan Program 010200—Pasaran Bahan-bahan Utama, Antarabangsa dan Bahan-bahan Utama Lain.

Tuan Pengerusi, industri getah dan kelapa sawit adalah sumber pendapatan negara yang amat penting. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan oleh kerana dapat mempertahankan kedudukan kita sebagai pengeluar utama di dunia dalam industri komoditi ini. Dalam perkara ini, saya mengucapkan syabas kepada Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dan Institut Penyelidikan Ketapa Sawit Malaysia (PORIM) oleh kerana dapat membuat kajian yang begitu bermutu tinggi dan mendalam sehingga buah kajian dan penyelidikan itu digunakan untuk memajukan industri getah dan kelapa sawit di negara ini.

Walaupun demikian, syer pasaran bagi getah kita di dunia telah berkurangan buat beberapa tahun lepas. Dan pada tahun ini pasaran bagi syer kelapa sawit kita di dunia dijangka akan berkurangan buat pertama kalinya. Ini disebabkan penanaman getah dan kelapa sawit di negara jiran seperti Thailand dan Indonesia yang meningkat dengan cepat. Tambahan pula dengan kos pengeluaran yang rendah di negara tersebut, industri getah dan kelapa sawit kita akan menghadapi persaingan hebat dalam jangka masa panjang daripada Thailand dan Indonesia. Oleh kerana itu, apakah langkah-langkah yang diambil oleh

negara kita supaya kedudukan kita dalam industri ini dapat di pertahankan? Apakah langkah-langkah yang diambil supaya kos pengeluaran dikurangkan dan adakah langkah-langkah ini selepas ianya dilaksanakan telah memberi kesan? Walaupun kos pengeluaran kita tinggi, namun produktiviti kita adalah tinggi. Saya berharap agar produktiviti buruh kita akan meningkat dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, memandangkan persaingan hebat daripada negara jiran, segala usaha dan tumpuan harus diberi kepada kajian dan penyelidikan industri komoditi kita. Segala kajian dan penyelidikan harus dianggap sebagai satu harta negara dan jika ia menjadi satu harta negara ia perlu dilindungi dan dijaga supaya orang lain tidak dapat mencurinya. Tetapi walaupun begitu, buah penyelidikan, hasil penyelidikan yang kita buat dalam beberapa tahun, diberi dengan begitu mudah sahaja dan diberi dengan percuma kepada pesaing-pesaing kita di konfrensi-konfrensi antarabangsa yang terkenal ataupun melalui syarikat multi-national, dengan izin, ataupun melalui pegawai-pegawai kanan industri ataupun para eksekutif-eksekutif syarikat multi-national yang telah berhijrah dan bekerja di negara jiran seperti Thailand dan Indonesia. Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya menyeru Kerajaan supaya satu undang-undang dibuat untuk mengawal serta melindungi hasil-hasil penyelidikan kita dijual ataupun dibongkar kepada pesaing-pesaing kita di luar negeri. Dalam perkara ini, kita perlu mengharam pengeksportan benih-benih dan hasil penyelidikan terakhir kepada pihak yang mungkin akan menjadi lawan kita dalam industri bahan utama.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu sama ada benar bahawa ramai syarikat-syarikat multi-national di Malaysia yang mempunyai ladang atau

estet di negara lain menggunakan hasil penyelidikan mereka di negara ini untuk memajukan ladang mereka di negara lain seperti Syarikat Harrison & Crossfield dan Guthrie. Adakah benar bahawa benih kelapa sawit yang bermutu tinggi yang ditanam oleh Harrison & Crossfield di Sumatra datangnya dari Malaysia? Juga adakah benar bahawa, dengan izin, "The control upper tapping system" yang dikaji oleh Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) itu digunakan di negeri Liberia oleh Guthrie? Jika benar, apakah tindakan yang diambil terhadap syarikat ini ataupun syarikat yang lain yang menjual rahsia industri bahan utama kita ke luar negeri?

Tuan Pengerusi, kita perlu menggunakan kekayaan kita dalam bidang penyelidikan serta penggunaan hasil penyelidikan tersebut untuk menangkis segala saingan daripada negara lain. Kita mempunyai para saintis yang berpengalaman, bijakpandai dan tenaga yang mahir dan disiplin yang tinggi untuk memajukan industri komoditi kita. Saya merayu kepada Kerajaan supaya peruntukan bagi RRIM, PORIM dan lain-lain badan penyelidikan bahan utama ditambah untuk mencari benih baru yang lebih produktif serta mempertingkatkan mutu getah dan kelapa sawit kita dan memperbaiki kecekapan pengurusan.

Tuan Pengerusi, saya menyeru kepada perancang-perancang ekonomi kita supaya mempunyai iman dalam masa depan getah dan kelapa sawit. Pemerosesan bawah getah dan kelapa sawit negara kita ini akan melindungi industri daripada harga yang tidak stabil di pasaran dunia.

Tuan Pengerusi, tumpuan juga perlu diberi kepada usaha dalam mempertingkatkan daya pengeluaran pekebun-pekebun kecil getah di negara ini. Sektor ini mengeluarkan kira-kira 50% daripada jumlah

pengeluaran getah di seluruh negara. Kita perlu menggunakan kajian penyelidikan kita secara komersial dengan serta-merta. Juga kita perlu mengambil satu pendekatan bersepadu (integrated approach) kepada penanaman getah dan kelapa sawit. Kita perlu membuat, dengan izin, inter-cropping seperti koko, rotan dan ternakan lembu, kambing dan kambing biri-biri untuk memaksimumkan hasil daripada tanah kita. Kita perlu mengeluarkan, dengan izin, squeeze out apa juga hasil, dengan izin, every available drop of revenue daripada tanah kita untuk menambah pendapatan peladangan. Mutu getah kita perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa supaya kita dapat bersaing dengan getah tiruan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, memandangkan keluasan tanah untuk menanam getah, kelapa sawit dan koko adalah terhad di Semenanjung Malaysia, apakah rancangan jangka panjang Kementerian untuk membangun tanah yang luas di Sarawak bagi tujuan ini supaya dapat mengeluarkan banyak lagi komoditi dan dieksport.

Selain daripada membesarkan ladang-ladang, Kementerian perlu meninggi purata pengeluaran nasional (national average yield) bagi setiap hektar bagi bahan utama kita. Saya percaya purata ini dapat dipertingkatkan memandangkan mutu penyelidikan kita yang tinggi dan infrastruktur yang baik dan pengurusan yang cekap dan melalui, dengan izin, tissue culture, saya rasa kita dapat meningkat purata pengeluaran ini. Saya berharap supaya penyelidikan dalam industri kelapa sawit dapat dipercepatkan supaya setanding dengan penyelidikan yang dibuat atas getah memandangkan penyelidikan PORIM itu adalah 50 tahun jauh ke belakang penyelidikan getah.

Tuan Pengerusi, saya berharap usaha kita dalam menentang kempen anti kelapa sawit yang dijalankan oleh Persatuan Kacang Soya Amerika diteruskan. Kempen ini sedikit sebanyak telah mengurangkan keyakinan pengeluar-pengeluar kelapa sawit di negara ini untuk membuat pelaburan baru. Oleh itu, kita perlu mengambil ketetapan dan jaminan daripada Kerajaan Amerika Syarikat, White House, Kongress dan Senate Amerika bahawa Rang Undang-undang sekarang ataupun yang akan datang tidak akan diluluskan oleh Kongress dan Senate jika ia bertujuan untuk menyekat pasaran kelapa sawit kita di negara tersebut. Kita perlu juga mengambil jaminan dari negara EEC dan negara Sosialis bahawa sekatan tidak akan dikenakan atas kelapa sawit negara kita. Dalam hal ini sokongan negara jiran seperti Indonesia dan Thailand adalah dialu-alukan.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan kayu getah (rubber wood), saya ingin bertanya kepada Kementerian bagaimanakah pekebun-pekebun kecil terutamanya di Sarawak dapat menerima faedah dari dasar Kementerian untuk memproses dan menjual kayu getah ini. Saya berharap supaya penubuhan RISDA diperluaskan ke negeri Sarawak, di semua tempat—di Kuching, Sri Aman, Sibul, Miri dan Limbang untuk menolong pekebun-pekebun kecil getah untuk memproses dan menjual kayu getah mereka yang banyak di negara itu.

Tuan Pengerusi, memandangkan lada hitam merupakan satu sumber pendapatan yang lumayan kepada petani-petani kita dan juga negara, saya menyeru Kerajaan supaya satu kajian menyeluruh dibuat supaya dapat menentukan potensi lada hitam di dunia dan pasarannya di dunia supaya kita dapat merancang satu rancangan jangka masa panjang untuk membesarkan ladang lada hitam. Saya

ingin menyeru Kementerian di sini supaya sistem small holding yang terdapat di negeri Sarawak pada sekarang ini sama ada sistem small holding ini lebih baik, lebih berkesan daripada sistem estet oleh kerana pengalaman di Brazil apabila Kerajaan memajukan ladang lada hitam secara besar-besaran, apabila ada penyakit, dengan izin, foot rot, kawalan penyakit itu adalah lebih mustahil. Saya harap supaya satu kajian dibuat untuk menentukan mana satu sistem yang lebih baik, yang lebih efektif untuk kita mengeluarkan dengan lebih banyak lagi lada hitam di negara ini supaya kita dapat mengekalkan kedudukan kita sebagai satu pengeluar utama di dunia. Jika Kementerian bercadang supaya menanam lada hitam secara besar-besaran, secara estet, saya minta supaya ini diperluaskan di negeri Sarawak, memandangkan Sarawak merupakan pengeluar utama di negara kita mengenai dengan komoditi lada hitam.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Pengerusi, saya minta Kementerian supaya green pepper, dengan izin, dikaji sama ada ia dapat ditanam di negara kita memandangkan permintaan green pepper di Eropah begitu tinggi. Saya minta supaya Kementerian memainkan peranan yang penting dalam IPC (International Peper Community) supaya menjamin harga lada hitam di pasaran antarabangsa akan menjadi baik.

Tuan Pengerusi, sebagai penghabisan saya ingin juga menyentuh mengenai dengan industri rotan. Saya ingin tahu sama ada Kementerian dapat membuat satu kajian yang menyeluruh supaya dapat menentukan potensi industri rotan di negara ini dan di dunia supaya kita

dapat menggalakkan petani-petani kita di seluruh negara untuk menanam rotan dan supaya dapat memberi pendapatan lumayan kepada mereka.

Saya minta supaya Kementerian mengkaji sama ada mengharam pengeksportan rotan daripada mengenakan sekatan seperti mana yang telah dibuatkan sekarang ini. Saya rasa lebih baik buat sementara, kita mengharam pengeksportan rotan seperti mana yang telah dibuat oleh negara Filipina dan Indonesia supaya kita dapat memajukan industri ini terlebih dahulu dan selepas itu kita dapat membuat pengeksportan bukan dalam bentuk raw, tetapi selepas diproses supaya dapat menambah hasil kepada negara kita.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong dan saya ingin mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Maran.

4.20 ptg.

Tuan Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Pengerusi, terima kasih. Dalam Kementerian ini, saya suka merujuk kepada muka surat 73, Butiran 010000—Program 010200, Pasaran Bahan-bahan Utama Antarabangsa dan Bahan-bahan Utama Lain.

Dalam program ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan MKS (Minyak Kelapa Sawit). Sebagaimana kita maktum bahawa hasil kelapa sawit adalah di antara hasil komoditi di negara kita yang telah memberi banyak kewangan kepada kita. Walau bagaimanapun MKS (Minyak Kelapa Sawit) ini telah juga menghadapi beberapa masalah di dalam usaha untuk menembusi pasaran antarabangsa sebagaimana juga masalah-masalah komoditi lain seperti getah dan bijih timah yang dihadapi oleh negara kita.

Satu masalah sekarang ialah sebagaimana kita maklum ialah masalah MKS berhadapan dengan masalah kempen Persatuan Kacang Soya Amerika (ASA), yang mana di antara perkara yang mereka kempenkan bagi menjatuhkan imej minyak kelapa sawit ialah mereka mengatakan bahawa minyak kelapa sawit mengandungi bahan yang membahayakan kesihatan. Inilah di antara perkara yang begitu menakutkan kepada manusia, kerana manusia sendiri hendakkan kepada badan yang sihat. Apabila suatu jenis makanan yang kita makan hari-hari di dakwa akan membahayakan kesihatan, sudah barang tentu orang akan cuba tidak hendak menggunakannya. Yang mana ASA mendakwa MKS ini mengandungi bahan kolesterol yang boleh menyebabkan penyakit jantung. Manusia memang bila sebut sakit jantung semua orang takut, jadi kalau dia menggunakan perkara ini, memanglah kalau kita ada barang itu hari ini kita langsung tidak mahu menyentuh.

Di Amerika sendiri ASA ini telah kempen memperlihatkan seorang yang bertubuh gemuk duduk berhampiran dengan tong minyak kelapa sawit. Tong itu berwarna hitam, bertulis "palm oil", di sisi tong minyak ini seorang gemuk duduk berhampiran. Ini adalah membayangkan orang yang memakan minyak kelapa sawit badannya menjadi gemuk, apabila gemuk akan mengidap penyakit jantung. Inilah perkara yang di antara mereka gunakan kempen itu.

Tuan Pengerusi, perkara ini amat membimbangkan bagi negara-negara yang mengeluarkan kelapa sawit ataupun minyak kelapa sawit, termasuklah negara Indonesia, Filipina dan negara kita sendiri. Buat masa sekarang kita dan Indonesia telah berkempen menunjukkan bahawa minyak kelapa sawit ini adalah baik untuk dibuat makanan, tetapi di

Filipina masih belum lagi dan kita mengharapkan supaya negara Filipina bersama-sama dengan kita bertindak bagi memberikan penjelasan bahawa minyak kelapa sawit ini amat berguna untuk di makan. Tindakan ASA ini sebenarnya ialah para penanam kacang soya di Amerika sendiri merasa bimbang dengan masalah populariti MKS sendiri yang semakin meningkat di mana tahun 1986 sahaja, kalau tidak silap saya, mereka mengimport lebih-kurang sebanyak \$680 juta. Ini menyebabkan penanam kacang soya sendiri telah kehilangan pendapatan yang mana dianggarkan lebih kurang \$3,600; mereka telah kehilangan pendapatan tiap-tiap seorang yang menanam kacang soya di Amerika.

Inilah sebabnya mereka membuat kempen sedemikian rupa. Kempen itu juga boleh dikatakan sebagai tindakan perlindungan ke atas penanam-penanam kacang soya di Amerika dan mereka mengharapkan dengan adanya kempen ini supaya minyak kelapa sawit ini gagal diluaskan pasarannya di negara tersebut. Sebenarnya sebagaimana mereka kempen mengatakan minyak kelapa sawit adalah bahaya dimakan, yang boleh mengidap penyakit jantung, tetapi mengikut kajian ahli sains bahawa minyak kelapa sawit ini mempunyai unsur-unsur memudahkan penghadaman makanan, boleh digunakan dalam suhu yang tinggi, mencegah rabun dan mencegah penyakit barah. MKS juga banyak mengandungi Vitamin E yang boleh mencegah kerosakan sel dalam tubuh manusia. Jadi inilah perbezaan yang sebenarnya di antara khasiat-khasiat yang ada pada minyak kelapa sawit. Kempen ASA mengatakan minyak kelapa sawit ini adalah merbahaya dimakan, saya tidak nampak mengapa mereka membuat kempen sedemikian rupa, melainkan sebagaimana saya katakan tadi ialah sebagai perlindungan untuk kacang soya mereka.

Dalam usaha kita berkempen untuk memberi penerangan, maka eloklah kita mengeratkan lagi perjalanan kerjasama dengan negara-negara rantau ini sebagaimana saya nyatakan tadi dan juga kita mestilah mengadakan penyelesaian antara Kerajaan dengan Kerajaan melalui saluran Diplomatik, juga perlu ditingkatkan supaya negara-negara maju yang cuba hendak menjatuhkan kedudukan sebenar ini akan memahami tentang keperluan negara-negara yang sedang membangun memerlukan penjualan komoditi tersebut bagi mengongkosi, mengwangi projek-projek di dalam negara kita. Platform ASEAN, Majlis Pertubuhan Negara-negara Islam, Pertubuhan Negara-negara Berkecuali, Persidangan Antara-bangsa, Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) dan Commonwealth mestilah digunakan untuk menentang propaganda yang dilakukan oleh ASA tersebut dan bagi menerangkan kepada pemimpin-pemimpin pertubuhan ini pentingnya dan baiknya kelapa sawit.

Satu perkara yang kita gunakan ialah menggunakan peranan Perhubungan Awam. Saya difahamkan kita telah menggunakan satu firma perhubungan awam "Hill and Knowlton" yang dilantik membantu bagi kempen memasarkan MKS (Minyak Kelapa Sawit) ini di Amerika Syarikat. Tetapi malangnya firma ini juga telah menjadi perhubungan awam yang juga membantu ASA, kempen kepada ASA tentang bahayanya minyak kelapa sawit.

Jadi kalau sekiranya Syarikat Perhubungan Awam yang kita lantik untuk nienolong kita berkempen bagi menerangkan kebaikan minyak kelapa sawit dalam masa yang sama ia juga dilantik oleh ASA berkempen kepada ASA pula, ini sudah nampak

bertentangan. Jadi sudah tentu usaha kita untuk menaikkan kelapa sawit akan disabotaj oleh pihak ini. Eloklah kalau kiranya kita kaji semula tentang firma ini sama ada kita perlu memberi nasihat ataupun kita memberhentikan terus, kita melantik firma lain bagi menolong kita berusaha berkempen mengenai Minyak Kelapa Sawit (MKS).

Satu perkara lain, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sentuh ialah berhubung dengan Butiran 020000—Perhutanan. Dalam perhutanan ini saya ingin menyentuh 020200 iaitu Pengurusan Sumber Hutan. Sebagaimana kita dimaklumkan bahawa hasil hutan ataupun hutan semula jadi di negara-negara ASEAN ini termasuklah Malaysia kemungkinan besar dalam masa 40 tahun lagi kita akan kehabisan hutan, kalau sekiranya kita menggunakan hasil-hasil hutan itu dengan sewenang-wenangnya. Walau bagaimanapun, sebagaimana kita ketahui bahawa memanglah di antara negara kita ini menggunakan hutan untuk mendapatkan pendapatan ataupun hasil negara.

Apa yang saya hendak sarankan di sini ialah supaya kita menggunakan dengan sejiat mungkin dan juga kita berusaha untuk menanam semula hutan-hutan supaya dalam jangka 40 tahun dan apabila kehabisan hasil hutan kita, tanaman-tanaman yang kita baru tanam boleh digunakan bagi mengganti hutan-hutan yang telah habis digunakan. Saya percaya perkara ini memang di dalam kajian Kementerian yang berkenaan, tetapi perlulah diberi perhatian yang serius mengenai perkara ini, kalau tidak kita akan kehabisan hasil hutan.

Negara kita memanglah tidak menjadi satu masalah bagi menanam pokok ini kerana tanahnya subur dan bila sahaja ditanam sudah barang tentu pokok ini senang hidup dan boleh digunakan di masa-masa akan datang.

Saya rasa itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tampin.

4.16 ptg.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab (Tampin): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada muka surat 73 Butiran 020000, Program 020200—Pengurusan Sumber Hutan.

Saya percaya bahawa tajuk ini agak popular juga dan mendapat pandangan orang ramai tentang pengeluaran hasil hutan sepertimana yang baru disebut oleh Saudara kita Yang Berhormat dari Maran tadi, bahawa negara kita memang terpaksa mendapatkan hasil daripada pengeluaran hutan, tetapi apa yang saya hendak sebut ialah cara ianya dikeluarkan dan pengawasan pengeluaran ini.

Saya percaya tiap-tiap negeri telah mengkaji cara yang baik sekali untuk mengeluarkan hasil-hasil hutan ataupun mengeluarkan permit-permit untuk mengeluarkan hasil kayu-kayu balak. Apa yang saya harap Kementerian ini akan mengambil berat ialah untuk mengawasi mereka yang mengeluarkan kayu balak. Kita tahu bahawa aktiviti ini berlaku dalam hutan dan memang jarang orang ramai dapat ke sana, maka timbullah laporan-laporan pada orang ramai, pada Wakil Rakyat bahawa apa yang berlaku dalam hutan tidak mengikut peraturan.

Umpamanya terdapat satu kawasan dalam rekod mengatakan hutan dara, maknanya hutan yang kayunya belum dikeluarkan, tetapi apabila dikeluarkan pada sebuah syarikat atau perseorangan didapati kayunya telah habis" dicuri, maknanya sebelum kawasan itu dikeluarkan memang telah berlaku pembalakan. Ini saya rasa adalah kerja yang haram dan ini

patut diawasi, kadangkala terdapat bahawa bermacam-macam cara untuk mendapatkan hasil balak. Diberi laporan bahawa untuk mengeluarkan kayu di sesuatu kawasan terpaksa melalui beberapa jalan tertentu dan jalan tertentu itu sengaja dipilih oleh pengusaha-pengusaha melalui kawasan hutan dara dan apabila kebenaran dibuat, maka orang yang dibenarkan itu bolehlah membuat jalan dan mengikut kebenaran itu sesiapa yang membuat jalan boleh mengeluarkan kayu di kiri dan di kanan jalan.

Di sini secara tidak langsung kayu yang ada di kiri dan di kanan jalan dalam usaha membuat jalan untuk mengeluarkan kayu yang lebih di kawasan pendalaman turut dipotong dan dibawa keluar. Terdapat satu kawasan hutan dara telah dipotong untuk jalan-jalan untuk mendapatkan satu pengeluaran kayu yang berada di dalam kawasan yang lebih jauh dan apabila 3-4 batang jalan melalui satu kawasan yang tertentu didapati semua hasil dalam kawasan itu telah dikeluarkan bukan dengan permit atau kelulusan Kerajaan, tetapi kerana laluan membuat jalan dibenarkan.

Harus juga pihak berkuasa mengambilkira taktik-taktik ini adalah salah satu taktik oleh pembalak-pembalak untuk mendapatkan kos pulangan.

Dalam masalah menyebut harga tender, setengah Kerajaan Negeri memberi tender pada kawasan-kawasan ini dan selalunya diberi kepada penender yang tinggi untuk mendapatkan pulangan yang memuaskan, inilah cara-cara yang dibuat. Terdapat pula pengusaha-pengusaha yang mempunyai kuota atau skim yang mana Kerajaan Negeri membahagi kawasan tertentu bagi satu tahun dan sengaja dipilih kawasan ini bukan di satu tempat yang meliputi seluruh skim pada tahun itu.

Mereka memilih misalannya 100 ekar di sini dan 100 ekar lagi di tempat yang lain yang mana di antara dua kawasan itu terdapat kawasan hutan yang belum dikeluarkan dan 100 ekar lagi di tempat yang lain di compartment yang lain yang mana di antara ketiga-tiga tempat ini tadi terdapat kawasan yang belum dikeluarkan. Jadi sudah tentulah terpaksa dibina jalan di antara tiga-tiga kawasan ini melalui juga kawasan hutan dara.

Dan dalam usaha mengeluarkan kayu balak antara tiga kawasan yang diluluskan ini termasuklah kawasan yang di antaranya tadi kerana alasan hendak buat jalan.

Jadi saya percaya perkara ini kadang-kadang tidak disedari oleh hal yang demikitan kataulah kita hendak memberikan kawasan kepada seorang pengusaha biarlah setempat, jangan dibenarkan perkara ini berlaku tanpa kesedaran pihak yang berkuasa.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang saya ingin sentuh ialah Butiran 030000 Program 030200 Penguatkuasa Undang-undang, Bahagian Galian. Saya seperti juga dengan rakyat yang lain daripada Negeri Sembilan tnmang berbangga kerana adanya usaha-usaha ataupun perlombongan emas yang diusahakan di Negeri Sembilan. Dan apabila ada emas dikeluarkan kita berbangga kerana di situlah letaknya atau puncanya Kerajaan mendapatkan hasil. Tetapi apa yang diketahui umum sekarang ini ialah bukan semua pengeluaran daripada lombong dikeluarkan melalui jalan-jalan yang dikehendaki oleh pentadbiran. Terdapat setengah-setengah emas ini dijual kepada pengusaha-pengusaha kedai-kedai emas di Seremban dan ini memang diketahui umum dan memang menjadi cerita orang ramai bahawa terdapat keluaran daripada lombong-lombong itu sampai ke kedai-kedai emas mengikut pintu belakang.

Saya berharap pihak berkenaan, pihak yang bertanggungjawab supaya menandatangani pengeluaran hasil ini daripada kawasan lombong dan dijual mengikut saluran tertentu supaya tidak ada kebocoran yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, perkara yang ingin saya sentuh lagi ialah muka surat 76 Butiran 04500 Pusat Penyelidikan Kayu dan Latihan Teknik f. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah memberi peruntukan kepada perkara ini dan apa yang saya hendak ketarakan di sini ialah bahawa dalam pengeluaran kayu balak kita terdapat kayu-kayu yang popular yang dikehendaki di pasaran luar negeri untuk kegunaan mereka dan kayu-kayu ini mendapat harga yang baik.

Tuan Pengerusi, tetapi apa yang terdapat juga ialah banyak jenis kayu kita yang belum lagi dapat dikenalpasti kegunaannya dan mengikut pengetahuan tempatan bahawa kayu-kayu yang belum dikenalpasti kegunaan ini tidak kurang nilainya daripada kayu-kayu yang lebih popular. Dan semua kayu-kayu yang tidak mendapat nama ini dipanggil kayu Malaysia ataupun yang lebih popular, dengan izin Tuan Pengerusi, "cap-cai" dan selalu kayu cap-cai ini tidak dapat harga yang tinggi, sayangnya di antara kayu-kayu cap-cai adakah kayu yang besar dan keras dan kalau diselidik sudah tentu ada unsur-unsur tertentu di kayu ini. Misalnya kalau buat panelling, damar minyak, ini semua, telah popularlah, ramin telah popular, orang luar negeri pun tahu tetapi saya percaya bahawa kalau penyelidikan yang cukup boleh dibuat kayu-kayu cap-cai ini pun boleh digunakan untuk sesuatu yang tertentu dan boleh mendapatkan harga yang lebih tinggi daripada apa yang didapati kalau kayu-kayu ini dilingkungkan bawah satu nama dengan izin, cap-cai sahaja.

Jadi itulah, Tuan Pengerusi, beberapa perkara yang saya ingin menyetujui dan dengan ini saya menyokong.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

4.37 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 010000 Program Ibu Pejabat. Saya terkejut kerana peruntukan di bawah Butiran ini dikurangkan daripada \$91 juta dalam tahun lalu kepada tahap \$30 juta sahaja iaitu 1/3 dalam tahun ini.

Ingin saya bertanya kenapa ini. Satu kejatuhan yang banyak. Kalau pemotongan peruntukan daripada perbelanjaan tahun lalu ialah untuk memotong pembaziran, ini saya bersetuju. Kalau kekurangan peruntukan itu telah menjadikan perkhidmatan sebagai kurang berkesan untuk menjalankan tugas-tugas Kementerian ini, kalau demikian saya ingin menyeru supaya tahun hadapan dikaji semula lagi. Ini satu passing comment, dengan izin.

Yang ingin saya sentuh ialah Butiran 02000 Program Perhutanan. Dan menurut buku Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi muka surat 66 tujuan program ini iaitu Program Perhutanan ialah untuk mengurus kawasan hutan dengan cara yang teratur dan sistematik untuk menjamin bekalan kayu-kayan dan lain-lain keluaran hutan yang cukup serta menjalankan aktiviti-aktiviti perhutanan untuk menambah daya pengeluaran hutan dan hasil negara.

Penerangan Program. "Program ini akan menitikberatkan usaha-usaha ke arah menjamin bekalan hasil hutan negara mencukupi di samping berusaha menstabilkan keadaan iklim, fizikal dan alam sekitar melalui berbagai kegiatan operasi dan kemajuan perindustriannya".

Tuan Pengerusi, ingin saya bangkitkan di sini tentang hakikat terhadap pengeksploitasi sumber asli iaitu kayu di negara kita ini, bahawa hutan rimba tropikal di negara kita berusia 150 juta tahun sebelum echo-system-delicate ini ditubuhkan. Dan 50% dari semua bentuk hidupan sejumlah 30 juta species seluruh dunia ini adalah dari seluruh hutan rimba tropikal.

Maka hutan ini merupakan punca hasil negara kita juga yang penting dan dasar bijaksana serta rasional harus dilaksanakan untuk mencapai keseimbangan di antara keperluan negara kita untuk mendapatkan pendapatan yang sesuai sedangkan conservation, dengan izin, diberi perhatian yang cukup. Malangnya sudah terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa kegiatan-kegiatan membalak kayu dalam hutan ini telah menyebabkan kesan-kesan yang teruk seperti berikut:

- (i) Hakisan tanah.
- (ii) Memusnahkan echo-system-delicate ini.
- (iii) Menjadikan hidupan liar extinct ataupun membahayakan survival kehidupan liar.
- (iv) Mencerobohi hak dan cara hidup penduduk-penduduk asli seperti Penan, Sekayan, Kenyah, Iban dan sebagainya.

Malangnya syarikat-syarikat kayu selalu menyalahkan bahawa pihak lain seperti Penan menyebabkan hakisan tanah dan bukanlah pihak syarikat-syarikat kayu yang bertanggungjawab. Maka baru-baru ini, hari ini sahaja dalam laporan akhbar *The New Straits Time* satu laporan berbunyi seperti berikut, dengan izin:

"Penans blamed for forest destruction. All due to shifting Cultivation: PM"

Menurut laporan ini Perdana Menteri dikatakan telah menyatakan seperti berikut:

(Dengan izin)

"Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir said today that Penans of Sarawak were largely to blame for destroying the forests due to extensive shifting cultivation.

XXXX XXXX XXXX XXXX

They move from one area to another for shifting cultivation, for padi planting and this has created bare patches in the jungle and which are visible from the air".

Tuan Pengerusi, tuduhan ini tidak berasas sama sekali. Culprit pertama seperti yang saya sebutkan tadi ialah perindustrian perhutanan dan syarikat-syarikat kayu itu.

Sebelum saya teruskan dengan ucapan saya, harus saya menjelaskan bahawa perkara ini—hakisan tanah ataupun kesan buruknya kepada sekitar negara kita ialah satu perkara yang paling teknikal dan banyak kajian sudah dibuat di negara kita dan di luar negeri. Saya merujuk Dewan yang mulia ini kepada satu buku yang authoritative atas masalah ini bertajuk "Natives of Sarawak: Survival in Borneo"5 Vanishing Forests oleh penulis Evelin Hong yang dicetak oleh Institut Masyarakat. Pada muka surat 152 buku ini ada satu perenggan yang penting berbunyi seperti berikut:

(Dengan izin)

"Swindening—"swindening" ialah satu perkataan lain untuk shifting cultivation—is a form of agriculture which is dependent on the sustained productivity of the forest system. Swinden is a ecologically sound system with the minimum of soil erosion and re-generation of forests. The negative effects, which some people attribute to "swindening" or shifting cultivation are, in fact, the very

effects resulting instead from logging as shown by many studies. In fact, the very people, timber industry people, destroying the forest environment are blaming the ecologically sound "swinden" farming for the ecological damage. The real culprits are blaming the victims as culprits".

Tuan Pengerusi, saya ingin sekali lagi merujuk kepada satu kajian penyelidikan yang telah dibuat oleh Jabatan Perhutanan Sarawak yang dilaporkan pada Laporan Tahunan mereka bagi tahun 1980 yang mana telah dilaporkan bahawa shifting cultivation ini menyebabkan kehilangan tanah sebanyak 0.15 tan sehektar setahun sahaja dalam kawasan rimba hutan—0.15 tan sahaja—kerana hakisan tanah, tetapi kajian yang dibuat oleh seorang pakar ahli sains lain namanya Perry Granstaf dan kajiannya pun telah dilaporkan dalam, dengan izin, "Resource System: Theory and Methodological Series No. 3, Tokyo" pada tahun 1980. Menurut kajian ini, dengan izin, saya mahu bacakan kesimpulan dalam kajian ini:

(Dengan izin)

"In regard to the likely causes of water-shed deterioration, several researchers feel that commercial interests and modern bulldozer technologies are likely to be of more danger in this regard than shifting cultivation".

Satu kumpulan ahli sains lagi namanya Dasman etc., dalam kertas kajian bertajuk "Ecological Principles of Economic Development" yang muncul dalam majalah yang sama iaitu "Resource System Theory and Methodological Series No. 3, Tokyo, 1980", menurut mereka:

(Dengan izin)

"In the more humid topics, over-population relative to carrying this

capacity is more likely to be evidence by mal-nutrition".

Kalau bilangan penduduk-penduduk Penan bertambah mereka akan lapar sahaja. Saya memetik lagi:

(Dengan izin)

"An environmental deterioration may not be so dramatic under subsistence methods of resource exploitation. It will probably be modern methods of agriculture and forestry exploitation that are doing the more serious damage".

Maka satu gambaran jelas yang kita dapat dari kajian ini ialah kegiatan-kegiatan membalak kayu adalah culprits pertama yang menyebabkan hakisan tanah dan pencemaran di sekitar negara kita.

Seorang ahli sains pakar negara kita namanya Dr S. C. Chin, Associate Professor, Botany Department, Universiti Malaya, dalam satu surat kepada *The Star* yang sekarang ditutup sementara, surat ini bertarikh 14hb September tahun ini, Dr Chin berkata seperti berikut:

(Dengan izin)

"Shifting cultivators know better than anybody else that their system of cultivation depends on the successful regeneration of forest. In most shifting cultivation systems, specific practices ensure that a forest fallow successfully develops. FAO (Food and Agriculture Organisation di bawah United Nations) studies indicate that up to 40% of a logged forest consists of open space. Most of these open spaces including roads, log-yards and camp areas are of bare compact sub-soil. On such ecologically devastated soil conditions, forest species find it very difficult or impossible to regenerate".

Maka, Tuan Pengerusi, dua orang pakar Malaysia lagi iaitu Ridhuan A.

Rahman dalam kertas penyelidikannya bertajuk "Economic Utilisation of Forest Resource: Its Impact on Environment" pada tahun 1980 serta seorang lain Jamaluddin Mohd. Jahi dalam kertas penyelidikan "Development Process and Environmental Deterioration" pada tahun 1983 mencapai kesimpulan seperti berikut:

(Dengan izin)

"Kegiatan-kegiatan membalak kayu telah menyebabkan masalah-masalah banjir, perubahan weather pattern, dengan izin, musim kering yang berterusan, kehilangan kehidupan liar, silting dalam sungai-sungai dan water-shed dan lain-lain".

Maka saya tahu selalunya pihak Kerajaan mendakwa bahawa langkah-langkah telah diambil dasar telah digubal supaya memastikan aktiviti-aktiviti membalak kayu selalu dikawal dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun kata menurut laporan akhbar hari ini seperti berikut:

(Dengan izin)

"When we give logging concessions, we do not allow all the trees to be logged. We mark the mature trees for logging and let the smaller ones grow in another 20 to 30 years. We still have a forest".

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memanglah amat optimistic tetapi adakah langkah ini benar. Pada teorinya, Tuan Pengerusi, peraturan yang ada sekarang dalam beberapa negeri yang mengeluarkan kayu sekarang memerlukan hanya 6 batang kayu dibalok sehektar di dalam hutan rimba. Tetapi sudah terdapat banyak laporan untuk membuktikan bahawa amalan membalak kayu tidak mengikut peraturan yang ada sama sekali, oleh kerana sebab-sebab yang jelas seperti kekurangan kakitangan dan kelengkapan, seperti masalah

kawasan membalak kayu yang besar ini seperti Sarawak dan Sabah dan seorang Pegawai Perhutanan Kanan di negeri Sarawak namanya H.S. Lee telah menganggarkan bahawa kayu batak sebanyak antara 4 ke 20 selalu ataupun sedang dibalok walaupun bilangan 6 telah dihadkan oleh pihak Kerajaan.

Menurut seorang pakar dari FAO lagi, namanya Setyorio Sastro-sumarto dalam Laporan Tahunan FAO 1980, menurut beliau 1/3 residual stands—"residual stands" maksudnya pokok-pokok yang bakinya ada selepas pembalakan kayu 6 batang tersebut—1/3 residual stands pokok mudah akan terbunuh selepas pembalakan 6 batang kayu sehektar. Sekiranya 10 batang dibalok, setengah dari residual stand ini akan terbunuh sama sekali kerana hakisan tanah dan memusnahkan alam sekitar

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sita gulung.

Tuan Sim Kwang Yang: Okay. Seorang pakar lagi, Professor Supatmo, Botany Department, University of Malaya dalam kertas penyelidikannya juga memerhatikan bahawa, dengan izin:

"Although the remaining 35% of forest stand is undamaged, the following silvicultural treatment will virtually reduce the complexity and species diversity of the forest to no more than 10% of the original condition".

Maka sebagai menggulung, ingin saya jelaskan di sini marilah kita mendapat satu gambaran yang betul, yang benar bahawa pihak yang berdosa di dalam merosakkan, mencemarkan persekitaran dengan membahayakan sumber asli yang berharga ini bukanlah orang Penan, tetapi orang-orang mereka yang membalak kayu serta pihak Kerajaan yang tidak kawal dengan rapi aktiviti

ini. Maka janganlah memangsakan orang Penan ini, mereka insan Tuhan, warganegara Malaysia yang selalu menghadapi masalah apabila mereka mahu jumpa dengan pihak berkuasa.

Saya sedih, walaupun saya sebutkan di sini masalah mengenai itu, saya pun sedih, saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun seseorang di pihak Persekutuan tidak dapat mengenali masalah ini kerana perhutanan adalah di bawah bidang kuasa Negeri Sarawak dan ia merupakan satu alat politik yang kuat dan "politics of development" seperti yang dikatakan oleh Ketua Menteri Negeri Sarawak bukanlah "politics of development", tetapi "politics of timber development" dan "politics of development of timber tycoons", dengan izin. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang.

4.53 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Pengerusi, saya ingin turut membincangkan mengenai dengan Butiran 010200 Pasaran Bahan-bahan Utama Antarabangsa dan Bahan-bahan Utama Lain pada halaman 73 dan juga 020000 mengenai dengan Perhutanan. Saya akan mulakan dengan Pasaran Bahan-bahan Utama Antarabangsa dan Bahan-bahan Utama Lain.

Tuan Pengerusi, kalau kita melihat tentang hasil komoditi utama negara pada hari ini maka kita menyedari bahawa hasil-hasil timah, getah serta kelapa sawit merupakan bahan-bahan eksport utama negara, tetapi sejak akhir-akhir ini harga timah telah mulai jatuh, harga getah telah mulai jatuh dan perkembangan terakhir, iaitu memperlihatkan adanya kejatuhan harga pada bahan utama kelapa sawit.

Sebelum saya bercakap mengenai dengan kelapa sawit ini dengan lebih

panjang, izinkan saya, Tuan Pengerusi, untuk menggambarkan sedikit tentang kelapa sawit ini. Kelapa sawit sebenarnya telah memberikan satu bentuk perkerjaan yang sangat penting kepada penduduk-penduduk Malaysia. Kita dapati jumlah pekerja-pekerja estet lebih kurang 102,000 orang, manakala pekerja-pekerja di FELDA dan juga ladang lebih kurang 100,000 orang, berjumlah 200,000 orang. Kalaulah kita ambil seorang pekerja ini, yakni satu famili mempunyai tanggungan kira-kira 5 orang, maka 200,000 orang ini kalau kita kali dengan 5, dia membawa angka lebih kurang 1 juta. 1 juta ini merupakan mulut yang mendapat rezki pendapatan mereka daripada hasil kelapa sawit dan ini merupakan satu angka yang besar. Penduduk Malaysia 1 juta daripada 15 juta orang, bermakna daripada 15 orang penduduk, seorang penduduk adalah bergantung kepada hasil kelapa sawit dan hasil kelapa sawit ini merupakan satu hasil yang besar, iaitu kira-kira memberikan pulangan hasil kepada negara kira-kira \$3.1 billion ataupun \$3,100 juta. \$3 billion ini adalah pendapatan kongsi antara pihak Kerajaan dengan pihak swasta. \$3 billion merupakan satu angka yang tidak boleh dipandang ringan dan hasil eksport kelapa sawit ini telah dibeli oleh banyak negara.

Saya ingin susunkan pembeli-pembeli dunia antarabangsa mengikut susunan keutamaan:

- (i) India;
- (ii) Singapura;
- (iii) Pakistan;
- (iv) Amerika;
- (v) Netherlands (Belanda);
- (vi) Jepun;
- (vii) Iraq;
- (viii) Turkey; dan
- (ix) Korea.

Saya tidak bercadang untuk menyebut apakah jumlah hasil belian daripada negara-negara tersebut, tetapi pada hari ini kita dapati bahawa di Amerika Syarikat terdapat satu kumpulan pengusaha-pengusaha kacang soya ataupun ringkasnya ASA. Kumpulan pengusaha-pengusaha kacang soya ini telah memainkan peranan mereka bagi memastikan bahawa minyak serta mutu kelapa sawit ini tidak mendapat pasaran di Amerika Syarikat kerana mereka telah menyedari bahawa hasil kedatangan minyak-minyak kelapa sawit daripada negara ini ke negara dia telah menyaingi pasaran kacang soya, langsung mereka mengatakan bahawa kacang soya ini adalah lebih baik daripada kelapa sawit dengan cara menamakan serta konon-kononnya membuktikan bahawa hasil cholestrol dan juga fatty acid, minyak tepu ataupun minyak lemak yang dikandung dalam kelapa sawit adalah tinggi. Ia menggambarkan ianya membawa satu keadaan yang tidak baik kepada kesihatan, terutamanya ia boleh mendatangkan penyakit hati, limpa, jantung, darah tinggi dan seumpamanya, dia cipta sendirilah orang Amerika ini. Sebenarnya kalau kita lihat dari segi fatty acid jauh sekali bahawa fatty acid yang dikandung oleh minyak kelapa sawit ini rendah.

Mengikut kajian ahli-ahli sains, fatty acid dalam minyak sawit ini dalam lebih kurang 50% sahaja jika dibandingkan dengan hydrogenated minyak soyabeen ini tinggi daripada kelapa sawit, iaitu kira-kira 61%. Begitu juga kalau kita bandingkan dengan yang lain-lain, iaitu daripada butter fat mengandungi lebih daripada 60%. Jadi, kalau kita melihat dari segi kandungan fatty acid, jelas sekali bahawa fatty acid yang dikandung oleh minyak kelapa sawit adalah rendah, tetapi kenapa Amerika berbuat demikian? Jelasnya Amerika berbuat demikian adalah bukan

disebabkan kerana fatty acidnya, tetapi kerana takutkan saingan daripada kacang soya. Begitu juga kalau kita melihat kandungan cholestrol, cholestrol yang sebenarnya adalah rendah. Kalau kita melihat kandungan kelapa sawit, ia mengandungi kira-kira 3mg. untuk 1 kg. sedangkan lemak binatang mengandungi cholestrol yang lebih tinggi, iaitu 50 sehingga 100 kali ganda daripada minyak kelapa sawit. Sebagai contohnya, butter fat mengandungi kira-kira 220 mg. terhadap 1 kg.

Jadi, kalau hendak bercakap ataupun hendak mengatakan bahawa kandungan cholestrol ini adalah tinggi, maka kita dapati hari ini kenapa orang-orang Amerika ini tidak pernah mengatakan kandungan cholestrol butter fat itu adalah tinggi? Tidak pernah kita dengar satu ayat yang mengatakan cholestrol dalam butter fat ini lebih bahaya daripada kelapa sawit. Sekali lagi membuktikan kepada kita bahawa orang Amerika ini sengaja untuk mengada-ngadakan bahawa minyak kelapa sawit ini tidak baik. Ini strategi dan usaha mereka, baik.

Saya tidak mahu bercakap tentang perbandingan-perbandingan bahayanya ini kerana kita tahu bahawa minyak kita tidak bahaya. Apa yang saya tahu bahawa pihak Kementerian telah menjalankan beberapa rancangan dan langkah, antaranya telah menghantar rombongan-rombongan ke Amerika Syarikat, bersama-sama dengan pihak swasta menerangkan kepada "Mat-mat Saleh" Amerika supaya mereka tahu bahawa minyak kelapa sawit itu tidak bahaya. Langkah dan cara yang dibuat oleh pihak Kementerian Perusahaan Utama itu merupakan satu langkah yang baik dan patut dipuji. Tetapi saya berpendapat bahawa langkah dan tindakan itu tidak cukup kerana minyak kelapa sawit sebagaimana yang telah saya katakan

tadi, bukan sahaja dijual di Amerika Syarikat, tetapi juga turut dijual di Pakistan, turut dijual di India, di Netherlands, Iran, Jepun, Turkey dan Korea.

Apa yang saya tahu bahawa puak-puak Amerika Syarikat ini telah menjalankan satu kempen ke negara-negara lain, termasuk negara-negara yang saya sebutkan tadi, agar minyak kelapa sawit tidak dibeli oleh negara-negara berkenaan, kerana dia tahu bahawa dia juga hendak mengeksport minyak kacang soya, soya bean oil, dengan izin ke negara-negara tersebut. Saya bimbang, resapan pengaruh jahat Amerika Syarikat, (ASA) ini akan melilit atau menyeluruh ke negara-negara yang saya telah sebutkan tadi.

Oleh yang demikian, saya ingin turut mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya menubuhkan satu Jawatankuasa yang lebih ghairah lagi, yang lebih kemaskini lagi, yang lebih sistematik lagi supaya turut mengadakan serta menghantar rombongan-rombongan teknikal ke negara-negara yang berkenaan, terutama negara-negara yang tidak dibahanakan lagi oleh kempen-kempen pihak Amerika Syarikat itu sendiri, iaitu dengan cara menghantar dua bentuk rombongan.

Pertamanya, bentuk rombongan teknikal yang / menjelaskan serta menerangkan tentang kebaikan minyak kelapa sawit ini jika dibandingkan dengan minyak soya atau butter fat atau minyak-minyak yang lain. Satu.

Yang kedua, saya juga turut mencadangkan supaya diadakan ataupun diwujudkan semacam penggalakkan kepada permintaan bahan-bahan minyak kelapa sawit ini sendiri. Kita galakkan lagi misalnya Korea dan Turki agak rendah permintaannya jika dibandingkan

dengan India dan Pakistan, maka kita akan galakkan perdagangan supaya Korea dan juga Turki membeli lebih banyak minyak kelapa sawit daripada negara kita ini, di samping menerangkan kempen-kempen dibuat oleh pihak Amerika Syarikat itu sendiri. Itu perkara pertama.

Sehubungan dengan itu juga, saya sudah sebutkan tadi bahawa hasil pendapatan negara kira-kira \$3 billion ataupun \$3.1 billion daripada minyak kelapa sawit ini. Sebahagiannya, 50% boleh dikatakan milik Kerajaan, sebahagian lagi adalah dimiliki oleh syarikat-syarikat swasta.

Antara syarikat-syarikat swasta yang metibatkan diri dalam soal perniagaan minyak kelapa sawit ini iaitu seperti Guthrie, Harrison & Crosfields, seperti Sime Darby, seperti anak-anak syarikat SEDC, seperti LUTH, seperti syarikat-syarikat Perbadanan Nasional Berhad (PNB) dan berpuluh-puluh lagi syarikat yang lain.

Setahu kita bahawa syarikat-syarikat ini ada mengikuti rombongan Menteri-menteri, ada mengikuti rombongan pegawai-pegawai daripada Kementerian ini untuk tujuan mencari pelaburan, untuk tujuan menjual minyak ke negara-negara lain. Tetapi setakat ini kita nampak tidak ada satu bentuk sumbangan daripada syarikat-syarikat swasta ini dalam soal bagaimana hendak mematkan kempen-kempen daripada orang-orang Amerika ataupun orang putih itu, iaitu hari ini kita tak nampak wujudnya satu tabung khas untuk kutip wang, pungut duit untuk adakan satu cara hendak mematkan kempen Amerika itu.

Jadi kita nampak syarikat-syarikat swasta itu selama ini hanyalah menyumbangkan dari segi cukai cess iaitu sebanyak kira-kira \$20 juta sahaja kepada negara. Cukai \$20 juta ini.

saya nampak kalau dibandingkan dengan pendapatan pihak swasta, pendapatan swasta itu jauh lebih tinggi sebab pungutan hasil daripada swasta saya katakan tadi separuh, ertinya kira-kira \$1.5 billion diperolehi daripada hasil sawit.

Apa salahnya sekiranya pihak swasta seperti Guthrie, Harrison & Crosfields, Sime Darby ataupun syarikat-syarikat gergasi kelapa sawit yang lain itu pakat ramai-ramai, duduk satu meja, pungut duit, adakan satu tabung, maka gunakan wang itu untuk mengadakan kempen menentang kempen anti minyak Amerika Syarikat itu.

Pada hari ini, kadang-kadang saya kasihan terhadap Kerajaan, bukanlah kita hendak sokong membabi buta, tetapi kerana kita hendak katakan fact atau kenyataan bahawa Kementerian sahaja yang berusaha.

Apa salahnya sekiranya pihak yang ada kepentingan, syarikat-syarikat swasta yang ada ini mulai berfikir daripada sekarang, sudah sampai masanya, bukan lagi dia bekerja melabur atau cara pasaran, tetapi saya kira sudah sampai masa dan saatnya dalam keadaan negara menghadapi zaman seperti ini, kita mesti duduk berpadu tenaga, berpadu fikiran dan yang pentingnya keluarkan wang, masuk dalam satu tabung bagi

mempastikan bahawa wang itu digunakan untuk menentang tentang kejahatan serta putar-belit Yahudi Amerika itu sendiri. Kita gunakan wang itu untuk pula menceritakan kebaikan minyak sawit kita di luar negeri, bersama-sama dengan pihak Kementerian Perusahaan Utama itu sendiri.

Tuan Pengerusi, itu saya bercakap tentang masalah butiran Pasaran Bahan Utama Antarabangsa dan Bahan-bahan Utama yang lain.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dua minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya ingin bercakap tentang perhutanan. Dari segi perhutanan, pada hari ini kita dapati bahawa negara Malaysia merupakan negara pengeksport utama dan terbanyak sekali mengeksport kayu-kayu balak. Kalau kita perhatikan dalam dunia hari ini, Malaysia yang paling banyak, kalau kita perhatikan yang paling banyak lagi Sarawak nombor satu, Sabah nombor dua, diikuti oleh Semenanjung nombor tiga. Saya ingin memberikan sedikit figure, Tuan Pengerusi, saya tak boleh bercakap kelam-kabut fasal saya hendak berikan figures, minta tambah lebih masa.

| <i>Negeri</i> | <i>Jumlah Eksport Balak</i> | <i>Nilai Eksport</i> |
|----------------------|-----------------------------|----------------------|
| Sarawak .. | 10.2 juta metrik padu | \$1.3 billion |
| Sabah | 8 ⁷ | \$1.5 billion |
| Semenanjung Malaysia | 230,000 | \$1.9 juta |

Nilai eksport Semenanjung Malaysia tak sampai billion ringgit, tidak seperti negeri-negeri yang lain. Ertinya, Sabah dan Sarawak begitu ghairah. Saya sudah bercakap pada sesi dulu, pada sidang Parlimen dulu, begitu ghairah eksploitasi hutan, tebang-tebas eksport, tebang-tebas

eksport. Ertinya, dia ambil yang mentah-mentah sahaja, tak ada cerita lain, atau hendak menjadi raw material dan sebagainya.

Dan kalau kita baca tentang Akta 313, Akta Perhutanan, tidak dinyatakan bahawa negeri-negeri itu

dikuasai oleh Kerajaan Pusat. Negeri-negeri bebas mengeksploitasi hutan, kalaulah negeri bebas mengeksploitasi hutan, lihat hutan akan pupus, generasi akan datang terbengkalai, burung-burung, binatang-binatang akan terbang, erosi, hakisan berlaku sewenang-wenangnya.

Jadi saya kira kalau tidak mahu pakai Akta, kalau boleh pakailah Akta, ubah Akta supaya Negeri-negeri itu taat kepada pengambilan dan penebangan. Tetapi pada hari ini kita ikutlah Majlis Perhutanan Negara. Kita ada Majlis Perhutanan Negara, seluruh negeri-negeri di Semenanjung, termasuk Terengganu, Kelantan, Pahang, semuanya mengikut dasar Majlis Perhutanan Negara, semua hendak tebang dia ikut kuota-kuota yang tertentu, tetapi Sabah dan Sarawak, dia terus tebang, tebang, tebang. Sudahlah ditebang, tak tanam balik pula. Negeri-negeri lain semua tanam balik. Lihat negara Amerika tanam balik, lihat Jepun tanam balik, lihat Thailand tanam balik, lihat Indonesia tanam balik dan dalam Asia Tenggara ini Sabah dan Sarawaklah negeri yang paling banyak sekali mengekspor kayu-kayu mentah.

Kalau kita campurkan angka Sabah dan Sarawak, dia menduduki ke tempat yang pertama dalam dunia dari segi banyaknya hasil eksport balak dalam dunia. Kalaulah terlalu banyak macam itu pengeksploitan dibuat sedemikian rupa, jahanamlah negara, bankraplah negara. Fasal apa? Kita lihat bahawa hutan itu sangat penting kepada keadaan masa yang akan datang.

Saya mintalah supaya negeri Sabah dan Sarawak supaya mentaati peraturan-peraturan yang diamalkan oleh negeri-negeri lain iaitu mengikut Majlis Perhutanan Negara dan kalau degil sangat, kalau babil sangatlah, kata kita, adakan satu pindaan, Tuan

Pengerusi. Kita pinda Akta 313, Akta Perhutanan 1985 ini bagi memastikan Sabah dan Sarawak atau mana-mana negeri yang lain tidak sewenang-wenangnya mengeksploitasi balak. Kalau kita boleh buat macam ini, kita rasa bahawa kita akan selamat di masa-masa yang akan datang. Tuhan sudah kata kita janganlah tengok kesenangan ini dalam bentuk sementara sahaja kerana kita juga memikirkan generasi kita pada masa yang akan datang dan saya bersetuju

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat sila habiskan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya menggulung. Saya bersetuju, Tuan Pengerusi, supaya kedua-dua negeri ini akan dapat disemak balik dan kalau perlu kita mestilah mengubah Akta Perhutanan 1985 bagi memastikan bahawa hasil-hasil hutan kita terkawal.

Kerana masa tidak mengizinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan saya juga mengharapkan bahawa pihak Kementerian akan dapat mengambil perkara yang saya cadangkan itu kerana telah dua kali saya cadangkan dalam Parlimen ini. Sekian. terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang akhir, Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

S.lptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 73, Maksud Bekalan 18, Butiran 010000 iaitu Ibu Pejabat. Saya dapat lihat daripada anggaran yang dianggarkan untuk tahun 1988 iaitu di bawah Aktiviti Ibu Pejabat 010100 dan juga 010200 ini sejumlah \$61.6 juta telah

pun dianggarkan dan jika kita bandingkan dengan anggaran yang telah diberi pada tahun 1987 kita dapat lihat satu anggaran \$182.2 juta telah pun diberi bagi tahun 1987 ini.

Saya ingin membawa kepada perhatian Dewan ini bahawa ini adalah satu kekurangan yang begitu besar dan begitu hangat dan saya rasa satu kekurangan yang begitu besar boleh dicapai hanya melalui penutupan pejabat atau bahagian-bahagiannya ataupun dengan lain-lain cara. Walaupun kita mengalu-alukan tetapi saya rasa tindakan yang telah diambil tidak boleh menjejaskan kedudukan pasaran komoditi utama kita di dalam pasaran dunia.

Sebagai contohnya, kita dapat lihat satu ancaman yang telah dimulakan oleh pihak Amerika Syarikat di mana kempen anti minyak kelapa sawit kita begitu hangat dijalankan.

Saya sebagai seorang wakil di dalam beberapa persidangan antarabangsa telah pun berusaha untuk mempertahankan minyak kelapa sawit kita dari kempen itu dengan memberi penerangan. Tetapi nampaknya sehingga masa ini kita ttdak dapat melihat satu penyelidikan yang sesuai, satu penyelidikan yang kita boleh lihat di mana kita dapat bukti-bukti untuk menunjukkan kepada pasaran antarabangsa palm oil kita yang sedang digunakan dan dipasarkan kepada dunia sekarang ini ialah sejenis minyak yang paling baik didunia. Oleh kerana pihak Amerika ini ada butiran-butiran sebagaimana dia boleh membuktikan kepada kita adanya kolesterol level yang begitu tinggi dan lain-lain benda yang tidak sesuai kepada kesihatan manusia, saya rasa satu penyelidikan yang harus dibuat dengan secepat mungkin yang betul-betul membuktikan kepada dunia bahawa semua kandungan yang ada di dalam palm oil kita adalah baik untuk kesihatan dan semua bahan-bahan yang ada dalam palm oil boleh

kuatkan badan dan vitamin-vitamin yang ada di dalam palm oil boleh dilihat oleh pasaran dunia.

Kita sebagai Wakil Rakyat dan juga rakyat Malaysia pun harus ada laporan-laporan dan bukti-bukti yang kita boleh tunjuk kepada peniaga-peniaga di peringkat international sebagai usaha untuk menahan kempen anti minyak kelapa sawit yang telah dimulakan di pihak Amerika Syarikat ini.

Saya merujuk kepada muka surat 76, Butiran 02800 Rancangan Pembangunan Pengurusan Hutan. Menyentuh di bawah aspek ini saya ingin membawa kepada perhatian pihak Kementerian, saya telah melawat satu rancangan perumahan di Sungai Buluh pada awal tahun ini di mana pihak pengurusan hutan telah pun mengambil bahagian di dalam rancangan perumahan Jtu dengan tanaman pokok-pokok di dalam rancangan perumahan tersebut.

Saya mengalu-alukan tindakan yang telah diambil oleh pihak pengurusan di dalam aspek itu dan ingin membawa kepada pihak Kementerian inilah satu tindakan yang baik yang kita harus mengalu-alukan dan juga menggalakkan dan untuk membuktikan satu aktiviti kepada masyarakat kita, kita harus menggalakkan aktiviti ini kepada semua perbandaran-perbandaran dan juga rancangan-rancangan perumahan di mana pihak pengurusan hutan boleh mengambil perhatian dan juga boleh membantu pihak pemaju untuk menanam pokok-pokok indah dan pokok-pokok yang boleh membuktikan apakah hasil yang ada di dalam hutan kita dan juga untuk membawa satu bentuk bantuan yang baik kepada pemaju dan juga kita boleh membawa kepada perhatian penduduk-penduduk di negara kita bagaimana keadaan di dalam negara kita yang indah ini.

Saya rasa dengan ini saya menyokong Maksud Bekalan dan juga Maksud Pembangunan 18 ini. Sekian, lerima kasih.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Boleh, bercakap kalau dalam 5 minit. Bolehkah Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Biar sama dengan orang lain.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh. Saya sudah kata akhir tadi, tetapi sebab dia pendekkan ucapan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Baik, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 5 minit.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya minta setakat habis. Tidak berapa banyak. Macam mana saya susah dapat peluang hendak bercakap?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Peluang ini pun istimewa, Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kalau istimewa biarlah sama.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 5 minit.

5.17ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B. 18, Butiran 010000, Butiran Program 010200 dalam muka surat 73—Pasaran Bahan-bahan Utama Antarabangsa dan Bahan-bahan Utama lain.

Tujuan aktiviti ini ialah satu daripadanya menyelenggara dan memajukan pasaran bahan utama.

Satu daripada bahan utama yang menjadi isu besar sekarang ialah kelapa sawit. Saya akan menekankan masalah kelapa sawit.

Masalah utama yang dihadapi oleh industri ini ialah kejatuhan harganya. Orang yang hidup di atas kelapa sawit ini secara total ialah peneroka FELDA. Akibat dari kejatuhan harga kelapa sawit ini mereka telah kehilangan pendapatan dan bilangannya adalah besar. Kegagalan Kementerian ini mendapat harga yang baik menyebabkan jumlah seramai 131,000 keluarga menderita. Peladang juga merasa terjejas tetapi kesan bagi mereka adalah dalam bentuk merosot pendapatan. Tuan punya ladang masih boleh mengalih kegiatan ke bidang lain. Cuma kemerosotan itu mengurangkan jumlah cukai yang boleh dipungut dari mereka. Lain-lain kesan mungkin pekerja akan dikurangkan atau gaji mereka juga dikurangkan. Tetapi peneroka FELDA adalah pihak yang paling malang. Jatuhnya harga kelapa sawit ini bukanlah disebabkan oleh angkara Amerika sahaja. Angkara Amerika ini satu daripada beberapa sebab sahaja.

Yang pertama dasar Malaysia yang mengutamakan eksport dari kegunaan sendiri. Apabila diketahui kelapa sawit boleh menjadi bahan makanan dan tanah di Malaysia sesuai dengan bahan ini maka segala ada tanah yang hendak dimajukan semuanya ditanam dengan kelapa sawit. Kalau dulu tanah tadi dipenuhi getah maka sekarang diganti dengan kelapa sawit tanpa memikirkan pasaran yang seluas-luasnya di luar negeri.

Malaysia telah mengeluarkan sebanyak-banyak minyak yang boleh dikeluarkan. Apabila dia dikeluarkan terlalu banyak melebihi dari yang diperlukan maka jadilah apa yang berlaku sekarang, minyak berlebihan dan tidak laku. Inilah hal yang sering dihadapi oleh mana-mana juga bahan yang dikeluarkan untuk dieksport.

Bukan eksport tidak betul atau tidak menguntungkan, tetapi biasanya setiap pengeluaran, satu-satu bahan utama adalah sebanyak mana keperluannya dalam negeri dahulu. Keperluan dalam negeri itu biasanya adalah dalam lingkungan yang boleh ditentukan oleh Kerajaan sendiri. Manakala keperluan eksport haruslah diperhatikan dari sudut banyak mana keperluan yang mampu dipasarkan.

Kita sepatutnya mengeluarkannya untuk dieksport pada anggaran yang boleh dipasarkan. Dan kalau pun pengeluarannya lebih dari permintaan di luar negeri, maka kuantiti pengeluaran itu tidaklah terlalu banyak hingga menyebabkan harganya jatuh dan hendak dijual murah pun orang tidak mahu beli. Sekarang ini seolah-olah diberi percuma pun ada orang yang tidak mahu kerana ia kononnya tidak baik untuk kesihatan atau tidak ada tempat untuk disimpan. Dalam keadaan yang ada, apa yang hendak dibuat dengan ladang kelapa sawit yang banyak itu? Adakah ia akan ditebang bagi digantikan dengan keperluan baru atau dibiarkan buah tidak dikait? Di sini saya faham, Tuan Pengerusi, kesilapan kita ialah perancangan ekonomi negara ini sendiri tidak membuat rancangan yang betul.

Pada masa kelapa sawit ini hendak ditanam dahulu, perancangan ekonomi negara tidak memikirkan bahawa saingan dari kelapa sawit kita selain dari ia boleh dikeluarkan oleh negara lain seperti Indonesia, ia juga berhadapan dengan saingan lain-lain minyak, terutama kacang soya dari Amerika Syarikat. Sepatutnya Amerika Syarikat adalah satu dari perkara yang mesti dianggap sebagai pengancam utama dari segi bahan keluaran utama Malaysia. Dalam perkara yang Amerika tidak dapat hasilkan seperti getah asli, Amerika boleh saingi dengan mencipta getah tiruan dan mengadakan simpanan getah aslinya sehingga industri getah

asli di Malaysia tidak lagi dapat bernafas. Maka apakah yang dapat kita harapkan apabila Amerika Syarikat sendiri mempunyai bahan keperluannya adalah sama. Kita sudah belajar banyak dengan Amerika Syarikat seperti yang saya sebutkan tadi. Malaysia mengeluarkan getah untuk dieksport, Amerika Syarikat mengeluarkan getah tiruan, Malaysia mengeluarkan bijih timah untuk dieksport, Amerika menyediakan stok simpanan bijihnya, apabila Malaysia cuba hendak mengeluarkan dari daerah pengaruhnya, maka ia mengadakan karenah. Sepatutnya perangai dan sikap Amerika Syarikat ini ada dalam fikiran perancangan ekonomi kita apabila kita hendak menanam kelapa sawit yang Amerika Syarikat ada kacang soya.

Sekarang Malaysia terpaksa berhadapan dengan Amerika Syarikat. Malaysia tidak berlawanan dengan Amerika Syarikat seperti Iran berlawan dengan Amerika Syarikat. Amerika Syarikat merancang pengepungan ekonomi kepada Iran, sebabnya ia jelas kerana Iran dan Amerika Syarikat saling beradu, tetapi Malaysia yang sentiasa menjadi pak turut Amerika., apa salah Malaysia maka sekarang Malaysia berhadapan dengan ASA, Badan Kacang Soya Amerika Syarikat yang menjalankan kempen memburukkan kelapa sawit. Kempen anti kelapa sawit Amerika Syarikat ini bergerak di seluruh dunia. Ia sama macam seperti mengepung ekonomi Malaysia, Amerika Syarikat tahu bahawa ekonomi Malaysia sekarang banyak bergantung kepada kelapa sawit, tetapi mengapa Amerika Syarikat melancarkan kempen anti kelapa sawit ke seluruh dunia dengan mengatakan kelapa sawit tidak baik untuk kesihatan atau boleh menggemukkan badan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila gulungkan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sedikit, pendek sahaja, Tuan Pengerusi. Maaf, saya habiskan sekejap.

Kempen ini bukan sekadar didengar oleh negara-negara yang berbaik dengan Amerika Syarikat. Iran anti Amerika Syarikat sendiri termakan dengan kempen tadi. Ia tidak pernah tertarik untuk membeli kelapa sawit walaupun bahan itu tidak ada di Iran. Iran sendiri menggunakan kacang soya. Kegagalan Malaysia untuk melawan kempen Amerika Syarikat di kalangan negara yang paling anti Amerika Syarikat itu membuktikan betapa lemahnya jentera propaganda Malaysia. Saya agak kegagalan ini antaranya kekurangan yang ada pada Malaysia sendiri. Alat propaganda tidak cukup, sedangkan aiat propaganda jauh lebih kuat. Kalau boleh, disamakan ia semacam kempen anti PAS yang dibuat oleh Kerajaan dengan segala kekuatan yang ada pada Kerajaan walaupun PAS di pihak yang benar (*Ketawa*). Tidaklah mudah untuk memecahkan monopoli sebaran yang memihak kepada Kerajaan. Demikianlah ibarat sulitnya Malaysia menangkis pemencilan yang dibuat oleh Amerika Syarikat, Sekarang Kementerian ini hendak membelanja 6 juta untuk kempen menepis usaha Amerika Syarikat memburuk-burukkan kelapa sawit tadi. Kita hendak melihat hasilnya, yang pertama kita hendak lihat ialah dapatkah Malaysia memecahkan kebuntuannya untuk mendapatkan pasaran di negara yang paling bencikan Amerika Syarikat seperti Iran itu? Timbalan Menteri Perusahaan Utama . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sudahlah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Semuka sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya tahu, tetapi sudah. Saya sudah beri lebih 5 minit tadi. Sudah Yang Berhormat. Menteri boleh jawab.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Nanti saya dahulu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat. Terima kasih. Boleh jawab.

5.25 *ptg.*

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai peruntukan di bawah Kementerian saya. Banyak cadangan-cadangan yang membina telah disuarakan di dalam perbincangan tadi dan saya akan seboleh-bolehnya menjawab secara ringkas yang boleh.

Tuan Pengerusi, sebelum saya menjawab beberapa rakan yang telah menyentuh banyak perkara tadi, saya ingin menjelaskan, membuat jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Nampaknya jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini adalah seorang yang boteh kita gelarkan, dengan izin, deteatist, orang yang siang-siang mengaku kalah sebelum berjuang. Inilah sikap pejuang-pejuang PAS yang memikirkkan bahawa tidak guna kita tanam kelapa sawit sebab kelapa sawit sekarang ini ditaman di Indonesia di tempat-tempat lain dan juga ada negara-negara lain yang akan mengeluarkan minyak makan. Seperti halnya juga tidak payah kita menanam padi, oleh kerana negara-negara lain pun akan menanam padi, seperti juga halnya kita tidak mengapa berlapar kerana banyak orang lain pun lapar, tidak mengapa kita miskin kerana negara lain pun banyak miskin. Kalau

siat detetis seperti ini dijadikan satu falsafah perjuangan PAS, maka tidak hairanlah PAS selalu tewas dalam pilihanraya di negara ini dan akan tewas terus menerus kalau mereka tidak mengubah cara

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran) Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pengkalan Ceba bangun. Minta penjelasankah Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta penjelasan sekejap.

Tuan Alias bin Md. Ali Saya ingat hendak beri atau tidak? (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat buat keputusan sendiri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Takkanlah Timbalan Menteri tidak berani beri. Saya hendak minta penjelasan dari mana Yang Berhormat dapat fahaman mengatakan saya anti tanam kelapa sawit? Adakah Yang Berhormat tidak faham hujah saya sekejap?

Tuan Alias bin Md. Ali Sebab saya faham hujah Yang Berhormat dari Pengkalan Ceba maka saya berkata begitu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak menolak tanaman.

Tuan Alias bin Md. Ali: Katau saya berdiri, Yang Berhormat jangan bercakap, ikut peraturan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Alias bin Md. Ali Tuan Pengerusi, kalau kita ambil falsafah PAS bahawa kita tidak harus berusaha oleh kerana orang lain berusaha dan bahawa kita akan tewas sebelum kita

berjuang maka sesungguhnya parti PAS, seperti yang diwakili oleh Ahli dari Pengkalan Ceba itu tidak layak mewakili orang Islam dalam negara ini dan sama sekali tidak layak memerintah negara ini oleh kerana Malaysia sebagai sebuah negara yang baru muncul dan baru merdeka tidak boleh dan tidak mampu mempunyai orang-orang yang bersikap putus asa sebelum berjuang. Cukuplah itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih yang tinggi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuching dan Hulu Selangor yang telah membangkitkan kekurangan Belanjawan Pengurusan bagi pihak Kementerian sebanyak \$61 juta berbanding dengan peruntukan tahun lepas. Saya berterima kasih di atas kebanggaan yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya ingin memberi jaminan bahawa pemotongan \$61 juta yang dibuat di dalam Belanjawan tahun hadapan bagi Kementerian saya tidak akan menjejaskan prestasi Kementerian dan operasi-operasi agensinya. Ini ialah kerana \$61 juta yang dikeluarkan daripada peruntukan tahun depan merupakan peruntukan bagi stok penimbal getah yang tidak aktif sejak dua tahun yang lalu, oleh kerana harga getah berada di paras yang stabil dan tidak perlu kita menggerakkan stok penimbal getah dan pihak Perbendaharaan telah memberi jaminan jika perlu, keperluan pada niasa akan datang kita akan boleh meminta semula peruntukan ini untuk dimasukkan di dalam peruntukan Kementerian bagi menggiatkan semula stok penimbal getah.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membantu saya di dalam subjek atau

isu yang menyentuh mengenai kelapa sawit, terutamanya mengenai kempen memburuk-burukkan minyak kelapa sawit oleh A-S-A (ASA).

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, ASA ini adalah terdiri daripada orang-orang Amerika yang putus asa. Orang-orang ASA ini ialah orang-orang yang tidak dapat bertanding di dalam pasaran secara terbuka untuk menjual minyak keluaran mereka dan kerana itu terpaksa mengadakan tektik-tektik kempen yang tidak wajar, tidak adil dan un-American. Oleh yang demikian, kempen yang dijalankan oleh ASA ini tidak pun disokong oleh kebanyakan orang-orang Amerika sendiri termasuk Pemerintah Reagan, Administration Amerika sendiri tidak menyokong kempen yang dijalankan oleh ASA seperti terbukti daripada penotakan oleh pihak Jawatankuasa Senate apabila satu Rang Undang-undang untuk melabelkan minyak kelapa sawit sebagai minyak tepu dikemukakan di dalam Jawatankuasa Senate dan penolakan itu memberi suatu tamparan yang hebat kepada pihak ASA dan memberi suatu kemenangan moral yang besar kepada Malaysia, terutama kepada pihak PORIM yang telah berusaha untuk menangkis kempen-kempen jahat daripada ASA ini.

Saya juga menyentuh sedikit mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli dari Pengkalan Chepa, yang nampaknya tidak faham langsung tentang apa subjek yang dicakapkannya itu. Beliau seolah-olah memberi gambaran bahawa kita berlawan dengan Amerika dalam soal minyak kelapa sawit.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli dari Pengkalan Chepa, kita tak berlawan dengan Amerika—kita tak berlawan dengan Kerajaan Amerika—yang kita berlawan ialah satu kumpulan manusia terdiri daripada rakyat Amerika yang

menubuhkan persatuan bernama ASA, inilah orang yang kita lawan, bukan Kerajaan Amerika.

Di sini saya ada satu surat daripada pihak United States Trade Representative, Washington, disain oleh Mr Glaton Yewter yang tidak menyokong gerakan supaya minyak ketapa sawit dilabel sebagai minyak tepu. Kalau pemehntah mereka tidak menyokong gerakan ASA, bermakna kita tak berlawan dengan pemerintah Amerika, pemerintah Amerika sebaliknya berada di pihak kita iaitu walaupun mereka tidak melawan kempen ASA, tetapi mereka tidak menyokong kempen yang dijalankan oleh ASA. Jadi, kalau Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tidak cukup keterangan atau tidak jelas atau was-was, eloklah jangan datang di sini bercakap, seolah-olah beliau juga pakar di dalam bidang minyak sawit. Sebenarnya beliau ini hendak jadi pakar dalam semua bidang nampaknya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh beberapa orang sahabat tadi iaitu dari Marang, dari Maran dan juga dari Hulu Selangor.

Saya ingin menjelaskan bahawa Malaysia tidak kurang azam politik, daya dan sumber untuk melawan kempen ASA. Kerajaan tidak akan berdiam diri melihat sekumpulan manusia yang tidak berperikemanusiaan yang kaya-raya di negara asing menabur pasir di dalam periuk nasi 200,000 keluarga miskin di Malaysia ini yang bergantung hidup secara langsung atas pendapatan kelapa sawit. Kita akan menghadapi ASA mulut dengan mulut, tangan dengan tangan dan dengan bantuan negara-negara pengeluar kelapa sawit yang lain, terutama dari rakan-rakan kita dalam ASEAN, insya-Allah, kita akan berjaya.

Kejayaan sebenarnya sudah pun terlihat hasil daripada kunjungan selama sebulan oleh rombongan teknikal daripada PORIM yang telah melawat beberapa kotaraya di Amerika dan mengadakan forum dan pertukaran fikiran secara terbuka dengan para pengusaha dan para saintis di Amerika. Lanjutan daripada kempen ini kita telah membuat keputusan untuk mengadakan

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat! Yang Berhormat dari Marang hendak penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya mohon penjelasan, apa yang dimaksudkan dengan kita akan menghadapi Amerika tangan dengan tangan?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dan mulut dengan mulut.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Boleh juga.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya pulangkan tafsiran itu kepada pemikiran masing-masing.

Tuan Pengerusi, lanjutan daripada dialog-dialog dan seminar yang diadakan di Amerika itu kita telah bersejua untuk mengadakan 12 projek research di seluruh dunia, 5 daripadanya di institusi-institusi pelajaran tinggi di Amerika Syarikat dan yang lain-lain akan dijalankan di Kanada, Holland, Australia, Korea, Pakistan, India dan satu lagi di Malaysia ini sendiri iaitu di IMR. Kita akan berbelanja kira-kira \$5.4 juta untuk research ini dan hasil daripada research ini boleh dijadikan asas untuk kita menangkis, dengan izin, once and for all dakwaan-dakwaan kotor dan jahat yang disebarkan oleh ASA.

Tuan Pengerusi, bertolak daripada syor yang dikemukakan oleh Ahli dari Marang, saya ingin menjelaskan dan mengemukakan bahawa kita akan menghantar satu rombongan teknikal tahun depan, insya Allah, untuk menjelaskan ciri-ciri yang baik pada minyak sawit kepada enam buah negara lagi iaitu India, Pakistan, Turki, Mesir, Bangladesh dan Tunisia sebelum kempen ASA merebak ke negara-negara pengguna minyak sawit yang besar. Kita harap kita akan dapat menjelaskan kepada mereka dan menghilangkan apa juga kesangsian yang mungkin timbul mengenai penggunaan minyak kelapa sawit.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, kalau saya hendak jelaskan ciri-ciri yang indah dan baik kepada minyak kelapa sawit, ianya akan memakan masa yang panjang. Saya ada di sini satu buku yang mengandungi ciri-ciri yang baik kepada minyak kelapa sawit yang sebahagian daripadanya telah pun dibantu oleh Yang Berhormat dari Marang, dia ini seorang pakar dalam bidang nutritional dan zat permakanan. Saya mengucapkan terima kasih kepada beliau dan, insya Allah, selepas ini saya akan kirimkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat satu naskah tiap-tiap seorang supaya dapat disemak.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Marang juga mencadangkan supaya ahli-ahli industri iaitu private sector dapat memberi sumbangan kepada usaha kempen mambanteras dakyah ASA ini. Saya ingin memaklumkan bahawa pihak swasta perusahaan minyak sawit yang diwakili oleh Persatuan Penanam-penanam Kelapa Sawit telah pergi bersama-sama ke Amerika Syarikat menyertai rombongan PORIM, berdialog dengan para saintis, bahkan President Persatuan Penanam-penanam Kelapa Sawit Malaysia Dato' Bek Nielsen dan beberapa orang rakan-rakannya telah pun pergi menemui sendiri President Persatuan

Kacang Soya ini (ASA) dan mereka telah menjelaskan secara terang-terang supaya meminta tarik balik kempen ini. Selepas kita memberi taklimat mengenai kebaikan minyak kelapa sawit dan pihak President Persatuan ASA ini telah berkata kepada rombongan itu "Kita sudah terlajak, kalau kita undur sekarang kita akan ditendang keluar daripada negara ini." Ini jelas membuktikan bahawa kempen memburukkan minyak kelapa sawit yang dijalankan oleh ASA ini bukan diasaskan kepada ciri-ciri kesihatan seperti yang mereka dakwa, bahkan semata-mata diasaskan kepada ciri-ciri pemasaran, oleh kerana mereka tidak dapat bertanding dengan minyak ketapa sawit daripada nisbah harga dan dari nisbah efficiency, bekalan dan juga banyak ciri-ciri yang lain tidak dapat mereka bertanding dengan minyak sawit, walaupun minyak kacang soya itu telah diberi subsidi yang amat besar dan tinggi oleh pihak Pemerintah Amerika.

Tuan Pengerusi, apa yang hendak saya jelaskan tadi ialah bahawa pihak swasta yang diwakili oleh Persatuan Penanam-penanam Kelapa Sawit memberi sumbangan kepada usaha-usaha membanteras kempen ASA dan sebagai lanjutan daripada itu mereka juga telah berjanji hasil daripada permintaan dan rayuan dari pihak Kementerian, mereka telah berjanji akan memungut lebih banyak duit untuk khusus digunakan bagi menentang kempen ASA ini.

Sekarang ini pihak perusahaan kelapa sawit sudah pun memberi sumbangan dalam bentuk bayaran ses yang dipungut tiap-tiap tahun berjumlah kira-kira \$20 juta lebih, yang dibelanjakan untuk tujuan membiayai oprasi PORIM. Kita harap duit ini akan dapat dikumpulan ttdak lama lagi supaya kita dapat mempergiatkan kempen menentang ASA ini dan pihak Kerajaan sendiri pula sedang berusaha untuk mencari dan

mendapatkan bantuan untuk membiayai 12 research yang telah ditetapkan itu, termasuk daripada persatuan-persatuan di Amerika Syarikat sendiri yang menjadi sahabat kepada kita, dan kita berharap apabila sesuatu projek itu tidak dibiayai secara langsung oleh pihak Kerajaan kita, bahkan dibiayai oleh badan-badan sukarela daripada negara itu sendiri, maka akan kelihatanlah bahawa hasil daripada kajian itu kelak adalah merupakan satu hasil yang tidak "bias", dengan izin, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, kita tinggalkan dahulu minyak kelapa sawit. Saya fikir kita beredar kepada masalah perhutanan dan perkayuan yang juga banyak disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengatakan kebimbangan mengenai eksploitasi perhutanan. Ahli Yang Berhormat dari Kuching, misalnya telah menimbulkan kembali "pet subject"nya, dengan izin, iaitu masalah orang-orang Penan.

Saya ingin menjelaskan, walaupun saya telah jelaskan dahulu di dalam Dewan yang mulia ini, iaitu masalah orang Penan bukanlah masalah penebangan hutan atau eksploitasi hutan. Masalah orang Penan adalah masaiah sosial dan masalah ekonomi orang Penan. Untuk menyelesaikan masalah orang-orang Penan bukan dengan cara memelihara sebanyak-banyak hutan untuk diduduki oleh orang-orang Penan. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan di Kepong semalam bahawa kita tidak boleh menggalakkan orang-orang Penan bertindak seperti yang mereka lakukan sekarang dan kita tidak boleh menyokong gerakan-gerakan antarabangsa yang menyokong orang-orang Penan menghalang pembalakan di Sarawak, maka itu bermakna bahawa kita bersimpati kepada masalah orang-orang Penan. Kita tidak mahu melihat orang Penan

selama-lamanya menjadi orang hutan, duduk mencari makan dengan cara memburu binatang dengan menggunakan sumpitan. Kalau ini yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuching dan juga parti DAPnya, saya berasa kasihan bahawa DAP yang selama ini menonjolkan diri sebagai sebuah parti progresif yang memperjuangkan kepentingan rakyat yang miskin, tiba-tiba hari ini seorang daripada wakilnya telah bercakap supaya kita memelihara satu kumpulan orang supaya kekal dengan kemiskinannya, hidup di dalam hutan dan berpindah-randah sepanjang masa.

Saya tidak perlu meminta maaf dari DAP dan Ahli dari Kuching bahawa kita boleh

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Bandar Kuching Yang Berhormat, Bandar Kuching.

Tuan Alias bin Md. Ali: Sedikit lagi. Bandar Kuching.

Tuan Pengerusi (Tuan O. P. Vijandran): Bukan Kuching.

Tuan Alias bin Md. Ali: O.K. Serupalah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak serupa.

Tuan Alias bin Md. Ali: Kita tidak boleh bersetuju dengan sikap yang negatif seperti yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Kita ingin melihat semua orang Malaysia hidup senang, mendapat kemudahan-kemudahan asas dan hidup sebagai satu masyarakat moden. Siapa yang duduk di dalam hutan hendaklah kita pujuk dia supaya keluar duduk di dalam kawasan pekan dan perkampungan yang tersusun dan kita tidak boleh subscribe, dengan izin, kepada suatu idea atau falsafah bahawa orang yang

selama ini duduk di dalam hutan harus kekal duduk di dalam hutan semata-mata kerana ada orang yang ingin mengkaji atau membuat kajian tentang cara hidup orang-orang yang tinggal di dalam hutan itu.

Tuan Pengerusi, saya merasa kasihan bahawa DAP telah mengambil sikap yang tidak membela dan tidak membela kepentingan orang-orang miskin dan orang-orang susah yang sepatutnya mereka menyeru Kerajaan supaya berusaha untuk membetulkan kehidupan orang-orang Penan ini dan memajukan kehidupan mereka dari segi sosial dan ekonomi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menyebut tentang eksploitasi perhutanan yang dibuat secara berleluasa di Sabah dan Sarawak. Saya ingin menjelaskan bahawa eksploitasi perhutanan di Sabah dan Sarawak adalah soal di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan itu sendiri. Tinggal lagi di dalam negeri-negeri di Semenanjung Malaysia penebangan hutan adalah tertakluk dan dipersetujui oleh negen-negeri melalui Majlis Perhutanan Negara dan tertakluk kepada kuota yang ditetapkan.

Saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat dari Marang bahawa sekiranya Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak ingin menggunakan Akta 313 iaitu Akta Perhutanan Negara 1984 untuk diadopt di negeri-negeri tersebut, pihak Kerajaan Pusat sentiasa mengalu-alukannya. Kita juga sentiasa mengalu-alukan sekiranya pihak Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak mengurangkan pergantungan kepada hasil eksport balak supaya balak dapat dikurangkan pengeksporan dan pengeksploitasianya supaya dapat kita galakkan perusahaan hiliran (down stream industry), dengan izin.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah menyentuh mengenai pencemaran hasil daripada pembalakan. Pencemaran kawasan sekitar hasil daripada pembalakan.

Saya ingin menjelaskan bahawa peraturan-peraturan untuk melindungi alam sekitar dari pencemaran pembalakan sudah pun dikuatkuasakan dan ini termasuklah menghadkan jentera-jentera yang boleh digunakan dan juga cara-cara membina jalan-jalan masuk dan jarak penebangan daripada sumber air semuanya sudah ada peraturan yang ditentukan, di samping itu denda-denda bagi kesalahan juga telah ditingkatkan. Namun demikian saya percaya Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa soal mengawal atau mengawasi kesalahan-kesalahan yang berlaku di dalam hutan adalah suatu perkara yang tidak mudah dilakukan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas juga telah menimbulkan soal kayu getah dan mahu supaya pekebun-pekebun kecil di Sarawak dapat manfaat daripada pasaran kayu getah yang mula nampaknya ada pasaran yang terbuka di luar negeri sekarang.

Saya ingin menjelaskan bahawa untuk manfaat penjualan dan pegeksporan kayu getah daripada pekebun-pekebun kecil, penebangan-penebangan hendaklah dibuat secara serentak dan berkelompok supaya pengeluaran kayu getah dari kebun-kebun ini dapat dibuat secara ekonomik. Begitu juga seelok-eloknya FELCRA yang telah meluaskan operasinya ke Sarawak itu diberi tanggungjawab untuk mengelolakan penebangan kayu getah ini.

Keduanya, pekebun kecil getah Sarawak bolehlah cuba mengusahakan pembuatan arang daripada kayu dengan menggunakan dapur arang yang mudah dialih-alihkan daripada satu tempat ke tempat dan dapur ini

telah pun dicipta oleh FRIM. Jika perlu pegawai-pegawai FRIM boleh didatangkan ke Sarawak untuk memberi kursus mengenai perkara ini dengan kerjasama FELCRA. Buat masa ini RISDA baru mengadakan perbincangan awal di Sabah bagi tujuan beroperasi di Sabah, tetapi setakat ini belum lagi kita buat perundingan untuk beroperasi di Sarawak.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa bagi pekebun-pekebun kecil yang tidak menjaga batang getah sewaktu torehan, maka adalah susah untuk menjual kayu getah itu kelak oieh kerana kayu itu sudah rosak.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menyentuh perkara perhulanan semula.

Saya ingin menjelaskan bahawa matlamat projek perhutanan semula ini ialah untuk menghutankan semula 500,000 hektar daripada tahun 1982 hingga 1995. Dan setakat ini kira-kira 400,000 hektar telah pun dilaksanakan atau sedang dilaksanakan pembukaannya iaitu 188,000 hektar di Semenanjung, 220,000 hektar di Sabah dan 1,800 hektar di Sarawak.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas juga telah menyentuh tentang pasaran rotan. Saya ingin menjelaskan bahawa eksport perabot rotan dari segi nilainya telah meningkat daripada 6 juta pada tahun 1985 menjadi 10 juta pada tahun 1986. Matlamat kita ialah menurut Pelan Induk Industri ialah untuk mendapatkan 400 juta ini bukan daripada rotan sahaja tetapi daripada perabot keseluruhannya.

Saya ingin menjelaskan bahawa penanaman rotan secara commercial telah pun dimulakan pada tahun 1980 dan sehingga 1986 kita telah dapat menanam 662 hektar ditanam dengan rotan.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima matlamat kita ialah untuk menanam 3,300 hektar ditanam dengan tanaman rotan.

Mengenai pengeksportan rotan, saya ingin menjelaskan bahawa pihak Kementerian telah pun mendapat persetujuan daripada pihak Perbendaharaan, untuk menaikkan kadar duti pada rotan daripada \$250 setan kepada \$2,700 setan, sejak beberapa bulan ini dengan harapan pengeksploitasi daripada pengeksportan rotan akan berkurangan untuk menjamin bekalan di dalam negeri. Walau bagaimanapun saya difahamkan bahawa pihak pengeksploitasi-pengeksploitasi sekarang telah beredar ke Sabah dan Sarawak oleh kerana mungkin ada kelonggaran di dalam pengeksportan rotan daripada Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, saya menyeru pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan supaya mengadakan kawalan-kawalan yang tertentu supaya langkah untuk menjimatkan rotan daripada pupus dapat diadakan juga di Sabah dan Sarawak supaya satu ketika nanti kita akan menjadi pengeksploitasi perabot rotan atau rotan yang sudah siap diproses dan bukan rotan dalam bentuk bahan mentah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas juga telah menyentuh perkara kajian yang dijalankan di dalam industri getah dan kelapa sawit dan beliau meminta supaya hasil-hasil tersebut tidak jatuh ke tangan orang lain dengan sewenang-wenangnya.

Saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat, bahawa dasar Kementerian kita ialah bahawa setengah-setengah hasil kajian harus boleh dikongsi oleh rakan-rakan negara-negara rakan kita tetapi setengah-setengah hasil research yang tertentu adalah khusus untuk tujuan negara kita sendiri. Malah pihak

PORIM yang menjalankan kaji selidik mengenai kelapa sawit sudah mengambil langkah-langkah untuk mendaftar atau dipatentkan, dengan izin, setengah-setengah hasil kajian supaya dapat dilindungi hasil-hasil kajian itu daripada jatuh ke tangan orang lain.

Walaupun bagaimanapun saya suka menjelaskan bahawa setengah-setengah daripada hasil-hasil kajian yang mungkin jatuh ke tangan orang lain mungkin telah dibekalkan atau dibawa keluar oleh agensi-agensi ataupun estet-estet yang berbentuk multi-national yang mempunyai juga kemudahan-kemudahan kajiannya sendiri di negara ini dan juga yang mempunyai kepentingan-kepentingan juga di luar negeri yang tertentu mahu menggunakan teknologi yang terbaru untuk mempergiatkan atau menambah daya pengeluaran bagi ladang-ladang mereka di negara-negara lain.

Memang susah untuk kita menyekat pengaliran keluar hasil-hasil kajian ini oleh kerana setengah-stengah daripada hasil kajian bersifat ilmu pengetahuan dan knowledge adalah sesuatu yang bersifat universal dan agak sukar untuk disekat perkembangannya dan pengalirannya daripada negara kita.

Walaupun bagaimanapun saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat itu bahawa saya sendiri mengambil berat tentang hal ini bahkan saya telah mengadakan perundingan-perundingan dengan pegawai-pegawai yang mengepalai agensi-agensi yang membuat kaji selidik supaya Malaysia akan terus dapat meneruskan menerima faedah daripada hasil kaji selidik yang dibuatnya sendiri terutama hasil-hasil kaji selidik yang bersifat high-tech.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu lagi perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat

daripada Bukit Mas yang telah menyentuh mengenai perusahaan lada. Sebenarnya perusahaan lada sekarang ini telah bernafas semula selepas lembab beberapa tahun oleh kerana kejatuhan harga yang agak teruk. Sekarang pihak industri lada hitam yang banyak terdapat di Sarawak telah dapat bernafas semula oleh kerana harga dan permintaan untuk lada hitam telah meningkat begitu tinggi di pasaran dunia dan semua orang nampaknya balik kepada ladangnya semula di Sarawak sekarang ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, besok saya akan ke Sarawak, sebenarnya malam ini saya akan ke Sarawak untuk menghadiri satu persidangan IPC yang Malaysia menjadi ahlinya dan kali ini kita menjadi tuan rumah kepada persidangan Persatuan Penanaman Lada Hitam yang diadakan di Kuching selepas empat tahun.

Saya ingin memberi jaminan bahawa pihak Kementerian sentiasa memberi penekanan-penekanan untuk menghidupkan semula dan memperluaskan perusahaan lada hitam ini, walau bagaimanapun saya ingin menjelaskan bahawa masalah penanaman lada hitam ini masih lagi terletak di tangan Kementerian Pertanian. Pihak Kementerian hanyalah menjalankan kerja-kerja pemasaran.

Walaupun bagaimanapun saya ingin menjelaskan bahawa kalau sekiranya penanaman lada hitam ini dibuat secara besar-besaran seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Mas, ada kemungkinan kita akan menghadapi masalah lama berulang semula iaitu masalah tebihan bekalan dan apabila berlaku lebih bekalan di pasaran dunia, maka harga akan turun pada paras yang tidak ekonomik dan pihak petani-petani akan meninggalkan

ladang-ladang mereka dan kita akan kembali kepada situasi asal.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin menyentuh Ahli Yang Berhormat daripada Hulu Selangor yang telah membuat syor tadi supaya kita memberikan benih-benih pokok hutan untuk ditanam di bandar. Saya ingin menjelaskan benih pokok-pokok hutan yang ditanam di dalam bandar yang cantik-cantik dan hijau sekarang ini adalah dibekalkan oleh Institut Penyelidikan kita di Kepong dan mana-mana pihak berkuasa perbandaran yang inginkan bekalan benih-benih pokok, silalah beritahu kita, insya Allah kita akan bekalkan.

Satu perkara lagi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Tampin yang menimbulkan emas yang dijual tidak menurut saluran tertentu dan tidak kepada pembeli-pembeli yang diiktiraf. Saya ingin memberi jaminan bahawa peraturan memang sudah ada dan adalah menjadi kesalahan kepada orang-orang yang berkenaan. Kalau Ahli Yang Berhormat dapat memberi maklumat yang spesifik yang tertentu kita akan mengambil tindakan. Begitu juga mengenai pengaduan yang mengatakan ada terdapat kecurian kayu balak dalam kawasan hutan dara oleh pelesen yang menjalankan kegiatan membalak di kawasan yang berhampiran. Saya ingin menjelaskan walaupun perkara ini urusan bidang kuasa Kerajaan Negeri, tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mempunyai maklumat yang tertentu mengenai kegiatan seperti itu bolehlah beliau sampaikan kepada saya supaya dapat kita sampaikan maklumat itu kepada pihak Kerajaan Negeri untuk diambil tindakan.

Tuan Pengerusi, saya harap saya telah menjawab beberapa banyak pandangan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya ketinggalan dan tidak

sempat saya jawab semua perkara-perkara itu ada di catat dan akan diambil tindakan sewajarnya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$71,527,000 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$71,527,000 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$71,940,860 yang disebutkan dalam Maksud P.18 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$71,940,860 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.19 (Jadual)—

Maksud B.19 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.19 dan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

6.01 ptg.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana dapat peluang saya ikuti bersama dalam perbincangan Belanjawan dalam

Jawatankuasa yang telah dibentangkan. B.19, muka surat 83, Maksud Bekalan 19, Butiran 020000—Pertanian dan Butiran 020200—Parit dan Taliair.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah mengenai parit dan taliair. Dalam negara kita hari ini boleh dikatakan kemajuan-kemajuan yang pesat dalam segala segi, cuma yang nampak sangat berkurangan tentang perparitan dan taliair yang sungguh-sungguh menampakkan kepada kita bahawa kekurangan-kekurangan ini adalah menjadi kegelisahan rakyat umum. Secara dekat yang dapat saya beri pandangan di sini seperti dalam bandar Kuala Lumpur, apabila sahaja hujan dua jam atau tiga jam maka jadilah banjir kilat yang amat menyedihkan sekali kalau dipandangkan tentang kesulitan-kesulitan rakyat yang miskin khususnya. Seperti di Kampung Bahru pernah saya sendiri melihat dan merasai dan tengok sendiri.

Suatu masa saya ada pergi menziarahi seorang rakan saya, kemudian saya duduk di rumahnya, tengok TV adalah satu jam lebih ketika itu masa hujan lebat, sekejap lagi rumahnya itu masuk air. Kemudian saya pun tengok tuan rumah itu angkut kerusi-kerusi dan hamparan-hamparannya letak di tempat yang tinggi dan saya tidak menjangka bahawa air hingga sampai begitu sekali. Lebih kurang dua jam hujan didapati air dalam rumahnya sampai dekat dada, ertinya atas daripada pusat. Di sekitar rumah-rumah di situ begitulah belaka.

Sebenarnya ini bukan salah air dan bukan salah hujan. Allah s.w.t. turunkan hujan memang sudah ada qadar yang telah ditetapkan oleh Allah untuk menurunkan hujan di kawasan-kawasan yang tertentu, maka terpulanglah kepada pihak manusia, orang yang bertanggungjawab seperti

Kerajaan memelihara dan melihat tentang tempat-tempat air yang hendak dilalui. Memang dalam Kuala Lumpur kita tengok sungai Kuala Lumpur yang ada itu terus ke Kelang.

Kalau setakat dahulu sebagaimana Kuala Lumpur 30 tahun yang lalu, jarang sangat kita dengar Kuala Lumpur ini banjir—30/40 tahun yang lalu—kerana pembangunannya tidak begitu sangat pesat pada ketika itu. Jadi, air yang turun ataupun hujan yang turun pada ketika dahulu cukuplah dengan sungai yang telah disediakan oleh Allah. Maka hari ini pembangunan-pembangunan banyak, perumahan-perumahan banyak dan tempat-tempat yang rendah ditimbulkannya tinggi maka sudahlah air-air itu susah hendak lalu dan tidak mencukupi dengan sungai yang ada. Kalau kita katakan cukup dengan sungai yang ada tetapi air hendak lalu, hendak pergi ke sungai dia lalu di mana tempat rendah maka didapati di dalam bandar Kuala Lumpur ini kalau hujan sedikit kita tengoklah dalam TV selalu kita tengok banjir-banjir kilat yang melanda.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, adakah ini berkaitan dengan Butiran itu—Parit dan Taliair yang berkaitan dengan pertanian?

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Banjir di Kuala Lumpur ada berkaitkannya?

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Saya rasa memang ada kaitan, Tuan Pengerusi. Ini muka surat 92, Butiran 020200.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya telah lihat itu, Parit dan Taliair. Saya rasa itu berkaitan dengan pertanian.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Di bawahnya, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, tidak apa!

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Muka surat 84, Tuan Pengerusi. Bukan, minta maaf, saya silap.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 83.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: 92, Butiran 020200.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Itu 83.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Memandangkan kepada keadaan ini, saya mencadangkan supaya Kerajaan mengambil berat dan mengatasi masalah ini dengan masa yang segera dan peruntukan-peruntukan, saya mencadangkan supaya Kerajaan menyediakan peruntukan-peruntukan yang lebih utama supaya mengatasi masalah ini dengan secepat mungkin. Kerana perkara ini dialami oleh orang-orang, penduduk-penduduk dalam bandar Kuala Lumpur ini, khasnya orang-orang miskin.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sebentar. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak apa?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Saya hendak memberitahu Ahli Yang Berhormat, muka surat 92, No. 17100 Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka surat herapa, Yang Berhormat?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: 92.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ada lihat, Yang Berhormat?

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Ya, terima kasih. Perkara ini yang berlaku dalam Wilayah Persekutuan bukan satu perkara yang baru. Ini telah dialami oleh penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan atau Kuala Lumpur khususnya, sentiasa dialami sejak dahulu-dahulu lagi dan bertahun-tahun yang telah kita menyaksikan sendiri. Bagaimana kalau kita kira misalnya hujan berhari-harian, apa akan jadi kalau sekiranya tidak diatasi dengan segera?

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan satu laluan air ataupun parit yang besar seukuran sebagaimana sungai di Kuala Lumpur yang telah ada sekarang ini dan parit besar ini hendaklah dibuat secara teliti, iaitu bermula misalnya daripada Ulu Kelang bawa kepada pecahan lebuh raya ke Seremban dan berjangkit ke Sungai Kelang yang ada, sebab kita tengok negeri-negeri yang rendah seperti Amsterdam, di bawah kota-kota didapati parit-parit yang besar yang boleh dilalui air yang tidak sekali-kali menenggelami bandar-bandar yang tersebut. Begini pesatnya pembangunan-pembangunan kita dalam bandar Wilayah Persekutuan ataupun Kuala Lumpur kalau sekiranya tidak diatasi dengan parit-parit seperti ini. Maka, akan bertambah sulitlah kita daripada satu masa ke satu masa, sebab hari ini masih ada lagi tanah-tanah lapang yang belum dibina, masih ada lagi tempat-tempat yang belum lagi dibangunkan, masih mudah lagi sekiranya pihak Kerajaan

mengadakan parit-parit yang tersebut, akan bertambah rumit 1-2 tahun atau sampai kepada beberapa tahun yang akan datang apabila pembangunan-pembangunan bertambah pesat. Apabila hendak dibuat parit-parit yang besar terpaksa kena meruntuhkan bangunan itu dan bangunan ini yang membawa kepada perbelanjaan yang lebih banyak lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 2 minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: 2 minit lagi, Tuan Pengerusi, tak cukup. Hasrat saya ingin hendak bercakap mengenai kemajuan ikan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya faham, tetapi kita telah hadkan sebanyak 15 minit seorang Ahli Yang Berhormat. Lagi 2 minit tempoh 15 minit itu habis.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Pengerusi, oleh kerana masa hanya 2 minit lagi. jadi tak sempat hendak sebut walau ikan sekor pun.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Cuba-cuba!

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Jadi, sekarang saya cuba anjaklah pula kepada muka surat 84, Maksud Bekalan 19 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, muka surat 86, Butiran 00200, ceraihan (5) Program Perikanan; di muka surat yang sama—00500 Lembaga Kemajuan Ikan Semenanjung Malaysia.

Saya ingin bercakap mengenai Lembaga Kemajuan Ikan ini kerana dalam kawasan saya, Kuala Nerus boleh dikatakan kawasan nelayan-nelayan. Penduduk-penduduk 75% terdiri daripada nelayan-nelayan, maka amat mustahak saya hendak

bercakap tentang nelayan-nelayan ini dan nelayan-nelayan ini saya mengharapkan supaya Kerajaan mengambil berat tentang bantuan kepada mereka, tentang keselamatan, khususnya musim-musim tengkujuh boleh dikatakan tiap-tiap tahun banyak berlaku kematian apabila nelayan-nelayan pergi cari rezki di laut, khususnya di laut dalam. Nelayan-nelayan Terengganu lain daripada nelayan-nelayan Pantai Barat. Nelayan-nelayan Pantai Barat mereka hanya pergi ke laut tak jauh, habis banyak 10-20 batu sahaja, tetapi nelayan-nelayan Terengganu sejak berpuluh-puluh tahun, mereka telah pergi mencari ikan di laut dalam bukan baru ini, sejak puluhan tahun sudah, mereka pergi ke laut dalam daripada pantai tak kurang jauhnya 300 km lebih kurang atau 200 batu dari pantai memakan masa perjalanan daripada pantai mereka pergi cari ikan atau pergi ke laut dalam selama 12 jam, 14 jam.

Oleh yang demikian, hari ini saya rasa bangga apabila Kerajaan telah buka tentang nelayan-nelayan ke laut dalam. Di samping kebanggaan saya, ada sedikit mendukacitakan saya tentang perjanjian kerjasama Malaysia dengan Thailand, konon-kononnya kerana nelayan Malaysia tidak ada idea ataupun pengalaman tentang laut dalatn. Sebenarnya pengalaman nelayan-nelayan Terengganu sudah berpuluh-puluh tahun ke laut dalam, cuma tidak ada sokongan yang penuh padat daripada Kerajaan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta Yang Behormat gulungkan.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Baru cuba hendak panas. (Ketawa) Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya bersimpati, tetapi

kita telah hadkan masa, tidak boleh asingkan.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Saya minta sedikit lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Sudah? Tetapi belum gulung tagi ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Gulung sahaja.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Saya minta izin, Tuan Pengerusi, hendak gulung. Tadi baru bentang, belum menggulung lagi. Saya minta gulung sedikit

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: . . . iaitu saya mencadangkan kepada Kerajaan, selain daripada syarikat K & I, bagi nelayan-neayan yang telah ada pengalaman di laut dalam supaya Kerajaan beri sokongan untuk tubuhkan syarikat-syarikatnya sendiri di samping nelayan Malaysia bekerjasama dengan bot-bot yang telah diatur atau telah ditubuhkan oleh pihak Kerajaan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Baik, Yang Berhormat Sudah!.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: . . . supaya kerjasama ini akan datang lebih manfaat kepada nelayan-nelayan Malaysia khususnya. Terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari

Sungai Besi boleh sambung esok.
(Ketawa)

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan
D. P. Vijandran);** Ahli-ahli Yang

Berhormat, mesyuarat ditangguhkan
sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul
6.30petang.*